

Jilid I
Bil. 4



Hari Khamis
14hb Oktober, 1982

M A L A Y S I A

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Kebenaran Cuti—Y.B. Tuan S. Subramaniam [Ruangan 343]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 343]**

USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 392]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T. (Kubang
Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S.,
D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J.,
K.M.N. (Seremban).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y. M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y. M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S.
(Ulu Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN,
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO'
S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN
HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Air Hitam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).

- Yang Berhormat Timbalan Mentèri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, Tuan Zainal Abidin bin Zin (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Bentong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).

- Yang Berhormat **TUAN PETER CHIN GAN OON (Ipoh).**
- „ **TUAN DAUD BIN HAJI TAHA (Batu Pahat).**
- „ **TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).**
- „ **TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).**
- „ **DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).**
- „ **TUAN FUNG KET WING (Sandakan).**
- „ **TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).**
- „ **TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).**
- „ **TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).**
- „ **DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).**
- „ **TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).**
- „ **TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).**
- „ **TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).**
- „ **TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).**
- „ **TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).**
- „ **TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).**
- „ **DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).**
- „ **TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT (Ulu Rajang).**
- „ **DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).**
- „ **TUAN KAN YAU FA (Tawau).**
- „ **TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).**
- „ **TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).**
- „ **TUAN MARK KODING (Kinabalu).**
- „ **DR KOH TSU KOON (Tanjong).**
- „ **DATO LEE KIM SAI (Ulu Selangor).**
- „ **TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).**
- „ **TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).**
- „ **DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).**
- „ **TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).**
- „ **TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).**
- „ **TUAN LING SIE MING (Sibu).**
- „ **TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).**

- Yang Berhormat TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ TUAN AHMAD SHAH BIN DATO HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID (Matang).
- „ TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ DATO HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- „ DATO HAJI MOHAMAD ABU BAKAR BIN PUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar)
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN SAIDIN BIN MAT PIAH (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KUON SWAN (Damansara).
- „ TUAN TAN KON HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG CHAW (Kepong).

- Yang Berhormat TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
 - „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
 - „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
 - „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
 - „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).
 - „ TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
 - „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
 - „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramasamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suho bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 14hb Oktober, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN TUAN
YANG DI-PERTUA

KEBENARAN CUTI—Y.B. TUAN
S. SUBRAMANIAM

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Tuan S. Subramaniam sepanjang tempoh mesyuarat ini.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI PER-
TANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah.

(Soalan No. 1 Y. B. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Seow Hun Khim

(Soalan No. 2 Y. B. Tuan Seow Hun Khim tidak hadir)

DOKTOR DAN PAKAR—
KEKURANGAN

3. Tuan Newman Gaban minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah kekurangan doktor-doktor dan pakar-pakar perubatan khas di Sabah dan amnya di seluruh Malaysia.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, mengenai kedudukan pegawai-pegawai perubatan di Sabah, sukacita saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pada masa sekarang terdapat 49 pegawai perubatan dan 14 pakar-pakar yang berkhidmat di Sabah. 4 lagi pegawai perubatan telahpun ditempatkan di Sabah pada hujung bulan yang lalu dan mereka diharap akan melaporkan diri tidak lama lagi. Tambahan pegawai-pegawai perubatan dan pakar-pakar akan juga dihantar ke Sabah apabila keadaan mengizinkan.

Mengenai kedudukan pada amnya Kementerian Kesihatan telah dan sedang mengambil langkah-langkah seperti berikut untuk mengatasi masalah-masalah kekurangan pegawai perubatan dan pakar-pakar bukan sahaja untuk negeri Sabah tetapi juga seluruh negara.

- (1) Syarat-syarat perkhidmatan bagi pegawai perubatan sedang dibaiki lagi bagi mengekalkan perkhidmatan pegawai perubatan dengan Kerajaan.

- (2) Kementerian sentiasa menggalakan dan memberi kemudahan kepada doktor-doktor muda untuk memperolehi kelayakan lanjutan dalam bidang-bidang clinical.
- (3) Bilangan biasiswa untuk kursus kepakaran lanjutan ataupun post-graduate telah ditambah dari 36 dalam tahun 1981 kepada 67 dalam tahun 1982.
- (4) Kemudahan cuti belajar diberi kepada pegawai-pegawai perubatan yang layak bagi membolehkan mereka mengikuti kursus-kursus untuk mengambil peperiksaan kepakaran atau ijazah lanjutan.
- (5) Tindakan juga telah diambil oleh Kementerian untuk membaiki peluang-peluang kenaikan pangkat untuk pakar-pakar. Dan akhirnya doktor-doktor pakar yang telah bersara dan sanggup berkhidmat dengan Kerajaan diberi pertimbangan untuk perlantikan semula ke jawatan kontrek.

Sebagai langkah sementara, Kementerian akan terus mengambil doktor-doktor dari negara-negara jiran dan ini akan dapat mengurangkan beban kerja doktor-doktor Kerajaan pada masa ini. Langkah jangka panjang juga diambil iaitu menambahkan bilangan penuntut-penuntut perubatan di universiti-universiti tempatan dan juga universiti-universiti di luar negeri. Dengan itu maka pengeluaran pegawai-pegawai perubatan akan dapat ditambah lagi bagi menampung keperluan perkhidmatan di negara kita.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa pihak Kementerian Kesihatan sedang menyemak syarat-syarat per-

khidmatan untuk doktor-doktor yang ada sekarang. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada cadangan pihak-pihak tertentu mengadakan mogok oleh doktor-doktor kerana mereka ini kurang berpuas hati di atas syarat-syarat perkhidmatan yang ada sekarang dan adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sudahpun memaklumkan cadangan syarat-syarat perkhidmatan yang baharu ini kepada doktor-doktor dan kakitangan yang sedang bertugas sekarang ini, kalau tidak, mengapa?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, kami juga telah membaca dalam suratkhabar dan surat yang lain bahawa ada doktor yang bercadang untuk mengadakan hari rehat pada minggu yang lalu. Tetapi kami di Kementerian tidak dapat kesan siapakah yang mengeluarkannya.

Kedua, kita tidak dapat melihat apa-apa tanda bahawa ada doktor-doktor yang telah mengikut permintaan atau nasihat itu.

Mengenai cadangan-cadangan untuk memperbaiki lagi skim perkhidmatan atau tanggagaji dan lain-lain, perkara ini adalah dalam proses perbincangan di antara Kementerian dan agensi-agensi pusat seperti Perbendaharaan dan Jabatan Perkhidmatan Awam dan sehingga kita dapat keputusan yang muktamad, kami tidak dapat memaklumkan apakah keputusannya itu kepada pihak doktor. Tetapi pihak Kementerian telah cuba untuk memberitahu kepada pihak MMA dan lain-lain bahawa perkara-perkara yang dituntut oleh mereka adalah dalam pertimbangan dan sedang diusahakan oleh Kementerian dengan pihak agensi-agensi pusat itu.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat

penjelasan daripada pihak Timbalan Menteri Kesihatan berkenaan procedure pertukaran seorang doktor, berapa lamakah tiap-tiap seorang doktor mengambil tempat manakala sesuatu pertukaran dibuat dan berapa lamakah jika pertukaran itu berlaku dua orang sekali sebulan, dua bulan atau beberapa lama.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan tidak berbangkit daripada soalan asal.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan. Kekurangan doktor ini iaitu doktor-doktor pakar juga doktor-doktor biasa disebabkan terdapat bahawa doktor ini menjalankan perkhidmatan tidak berdasarkan profesionnya iaitu menjadi Pegawai Tadbir di negeri iaitu Medical Officer yang tidak menjalankan tugas-tugas profesion doktor. Jadi dengan cara ini menyebabkan doktor-doktor ini kekurangan. Apakah langkah dicadangkan supaya pentadbiran di Jabatan ataupun di Hospital ini diberi kepada pentadbir yang sebenarnya supaya kekurangan doktor ini dapat dikurangkan.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, kami sedar bahawa ada setengah doktor yang tidak suka menjalankan urusan-urusan pentadbiran. Tetapi urusan pentadbiran itu terpaksa juga dijalankan. Umpamanya di kalangan Pegawai-pegawai Perubatan Pakar, daripada 472 pegawai terdapat 139 yang menjalankan urusan pentadbiran, iaitu sebagai Ketua Pengarah Kesihatan dan sebagainya, Pengarah Kesihatan di negeri-negeri dan sebagainya. Itu terpaksa dijalankan tetapi beban kerja mereka dalam aspek pentadbiran sahaja sedang kita cuba mengasingkan untuk dijalankan oleh Pegawai-pegawai Tadbir, Pegawai-pegawai Eksekutif dan lain-lain. Kita juga sedang memberi pertimbangan untuk

pegawai-pegawai yang menjaga Hospital Daerah mendapat peluang juga menjalankan urusan clinical yang akan dapat lebih memuaskan doktor-doktor itu. Ini sedang berada dalam usaha kita.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah kekurangan doktor di negara kita ini. Jadi, saya ingin tahu apakah pihak beliau bercadang untuk membekukan sebarang lesen klinik bersendirian ataupun menggalakkan para doktor kita menjalankan klinik bersendirian secara part-time sebagai galakan kepada mereka untuk kekal dengan Kerajaan.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk membekukan lesen klinik bersendirian kerana ini saya rasa akan interfere dengan kebebasan kerja seseorang. Tetapi Ahli Yang Berhormat sudah sedia maklum bahawa dalam bidang perubatan ini pegawai-pegawai perubatan sedang dipaksa untuk bekerja dengan Kerajaan selama 3 tahun sebelum mereka dapat "practising certificate" sebagai doktor persendirian.

Mengenai cadangan bahawa doktor-doktor diberi peluang untuk bekerja sambilan (part-time) di sektor swasta, cadangan ini sudahpun diberi perhatian beberapa kali dahulu dan Kementerian berfikir pada masa ini bahawa cara sambilan ini tidak akan mendatangkan apa jua faedah. Pada masa ini semua Pegawai Perubatan Kerajaan dikehendaki bekerja sepenuh masa dengan Kerajaan dan tidak dibenarkan bekerja sebagai doktor di lain-lain tempat ataupun menjalankan klinik-klinik mereka sendiri.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Soalan tambahan. Perasaan tidak puashati di kalangan para doktor telah lama, buktinya mereka telah

keluar daripada bertugas dengan Kerajaan dan membuka klinik sendiri kerana lebih pendapatannya di sana.

Soalannya, tiap-tiap kali Dewan ini ditanya oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, jawapannya demikian sebagaimana yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri itu tadi. Saya hendak tahu bilakah tarikh ataupun masanya kajian untuk menyelesaikan masalah-masalah ini supaya para doktor kita tidak berhenti dan bersuka hati bertugas dengan Kerajaan.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dalam perkara ini kita tidak akan sampai ke peringkat di mana kita akan memuaskan semua pihak dan kita hanya dapat berusaha seboleh-bolehnya. Dalam beberapa perkara yang sudah jadi bahan perundingan atau perbincangan di antara doktor dengan Kerajaan, kita sudah dapat mencari jalan selesai dan keputusan, termasuk beberapa aspek yang penting yang baru-baru dibangkitkan berkaitan dengan tanggaji, elaun dan lain-lain. Perkara-perkara ini sedang diuruskan dan kita harap dapat satu keputusan tidak lama lagi. Ini adalah dalam peringkat akhir.

Tuan Tan Kok Hooi: Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini Malaysia kekurangan doktor. Kenapa tidak memberi peluang pendaftaran kepada doktor-doktor wanita warganegara asing, yang bersuamikan warganegara Malaysia.

Dato' K. Pathmanaban: Ini sedang dipertimbangkan.

Dr Tan Seng Giaw: Soalan tambahan. Saya telah membincangkan hal-hal masalah kekurangan doktor dengan Presiden Persatuan dan didapati bahawa hasil perundingan dengan Kementeriannya setakat ini tidak dilaksanakan. Bilakah ini boleh dilaksanakan?

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat sudah dijawab sekejap tadi kepada soalan yang baru lepas dikeluarkan. Soalan itu sudah dijawab -“.....dengan secepat mungkin”.

Tuan Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Empat atau lima tahun dahulu pihak Kerajaan ada menghantar pelajar-pelajar kita untuk menyambung pelajaran di bidang-bidang perubatan di negara-negara di Asia Barat seperti di Mesir, di Iraq dan sebagainya. Sekarang ini nampaknya usaha ke arah itu sudah tidak ada lagi. Apakah hasrat Kerajaan untuk hendak membatalkan usaha-usaha yang sudah lalu itu atau akan diteruskan. Kalau tidak berhasrat untuk meneruskan, apakah pada pandangan pihak Kerajaan nilai atau taraf kolej-kolej perubatan di sana tidak sesuai dengan Malaysia ini.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang kami tahu kita tidak membatalkan pelajaran murid-murid kita di Asia Barat. Mengenai nilai yang dicapai oleh universiti-universiti tersebut, saya minta maaf, saya tidak dapat memberi jawapannya.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masalah kekurangan doktor-doktor dan pakar-pakar perubatan di dalam negara kita bukanlah perkara baru, malah 10 atau 20 tahun yang lampau. Salah satu daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan tadi mengatakan setiap orang doktor mestilah bekerja sekurang-kurangnya 3 tahun dengan Kerajaan, tetapi mereka ini selepas 3 tahun resign. Sebab itulah kekurangan. Soalan saya, adakah Kerajaan ataupun Kementerian bercadang supaya masa bekerja itu dilanjutkan lagi bukan 3 tahun, biarlah 10 tahun ataupun 5 tahun. Adakah cadangan seperti itu, kemudian barulah kekurangan ini boleh diatasi.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, cadangan seperti itu hampir-hampir mengabdikan doktor-doktor. Itu tidaklah patut. Kita harus ingat bahawa dari semua profession yang terdapat di negara kita ini; hanya Pegawai-pegawai Perubatan dipaksa pada masa ini bertugas dengan Kerajaan, itupun sehingga 3 tahun. Hendak tambah kepada itu, saya rasa perkara itu hendaklah difikirkan sedalam-dalamnya sebelum satu langkah diambil.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk mengatasi masalah kekurangan doktor-doktor di negeri kita khasnya di Sabah, adakah pihak Kementerian berkenaan akan mempertimbangkan elaun-elaun incentive seperti elaun seberang laut supaya lebih banyak lagi doktor-doktor ingin bertugas di Sabah kerana pada masa ini banyak doktor-doktor yang berkhidmat dengan Kerajaan enggan bertugas di Sabah disebabkan sara hidup yang begitu tinggi jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, kami memang sedar tentang perkara sara hidup yang begitu mahal dan lain-lain. Tetapi kita di Kementerian terpaksa ikut peraturan-peraturan elaun-elaun yang terdapat untuk semua golongan pegawai Kerajaan yang ditugaskan di Sabah kerana mereka semua ini menghadapi sara hidup atau kos sara hidup yang sama.

DASAR PANDANG KE TIMUR

4. Tuan Awang bin Jabar minta Perdana Menteri menyatakan reaksi negara-negara Barat terhadap dasar "Pandang Ke Timur" Kerajaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun memberi jawapan kepada

soalan yang serupa dengan soalan ini apabila menjawab soalan tambahan semalam berikutan dengan satu soalan berhubung dengan dasar pandang ke timur.

(Beberapa orang Ahli Yang Berhormat bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini telahpun di jawab semalam. Saya ingat tidak boleh dikeluarkan semula benda-benda yang berbangkit kepada soalan yang telah di jawab.

KAPAL DI RAJA "KD RAHMAT"

5. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada benar "KD Rahmat" kapal yang dicadangkan untuk membawa laksamana sedang menjadi reput di tempat membina kapal Pasir Gudang selama empat tahun; jika benar, nyatakan jumlah perbelanjaan yang sudah digunakan; bilakah kapal itu boleh dijalankan.

Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa "KD Rahmat" telah terbiar menjadi reput di tempat pembina kapal Pasir Gudang selama empat tahun sebagaimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat. Apa yang sebenarnya berlaku ialah Kapal Di Raja tersebut telah dihantar untuk menjalani kerja long refit selama 15 bulan mulai dari bulan Mei, 1978 yang lepas.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi kebiasaan bahawa apabila sesebuah kapal menjalani long refit maka kerja-kerja tambahan mustahak dikemukakan dari masa ke semasa setelah beberapa compartment dibuka dan dengan itu maka tempoh refit tersebut terpaksa dipanjangkan. Melalui kerja-kerja tambahan ini tempoh masa yang sebenar dan nilai kontrek asal

sebanyak \$16,171,936 telah juga meningkat kepada \$25 juta. Berpandukan kepada laporan kemajuan yang diterima kapal "KD Rahmat" sedang menjalani ujian penerimaan laut (sea-acceptance trails) dan dijangkakan akan siap sedia untuk melaksanakan operasi pada bulan Disember tahun ini.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi kapal "KD Rahmat" memerlukan \$25 juta untuk membaikinya. Kalau demikian mahal harga membaikinya, adakah dikira perbelanjaan ini satu perbelanjaan yang ekonomik dan tidakkah patut kapal ini dikondemkan sahaja dan dibeli yang baru bagi menggantinya?

Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, kalau harga baru kapal seperti "KD Rahmat" ini akan memakan belanja sebanyak \$200 juta.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah maksud Kerajaan untuk menggantikan "KD Hang Tuah" dengan "KD Rahmat"?

Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, itu sudah menjalankan operasinya, tetapi soal ini soalan lain daripada soalan asal.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

KANUN TANAH NEGARA— PENYEMAKAN SEMULA

6. Tuan Ismail bin Arshad minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah Kerajaan akan mengkaji semula seksyen 43 (a) Kanun Tanah Negara dan seterusnya membuat pindaan-pindaan bagi menguat dan menjamin sekatan-sekatan yang perlu

ke atas hak dan kebebasan milik tanah seperti yang ada sekarang, jika ya, bilakah pindaan ini akan dibuat.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, satu jawatankuasa untuk menyemak semula Kanun Tanah Negara telah ditubuhkan di bawah Kementerian ini. Penyemakan kepada undang-undang itu dibuat secara menyeluruh. Cadangan-cadangan yang dikaji dan dipertimbangkan termasuk seksyen 43 untuk mengawal pemilikan tanah oleh orang warganegara asing. Laporan Penyemakan Kanun Tanah Negara oleh jawatankuasa itu dijangka akan dapat disiapkan pada awal tahun 1983. Laporan itu akan dibentangkan untuk pertimbangan Majlis Tanah Negara terlebih dahulu sebelum dikemukakan kepada Parlimen.

Tuan Ismail bin Said: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa Kanun Tanah Negara telahpun disemak semula. Oleh kerana memandangkan Kanun Tanah Negara kita ini dikanunkan mengikut "Torrens" system, di mana dia berasaskan kepada "mirror dan curtain" principle, iaitu satu sistem yang didatangkan daripada Australia di mana urusan dan pentadbiran tanah di negara kita ini berpandukan kepada sistem ini, adakah dari semakan itu pihak Kementerian beliau ada memasuki ataupun menyelaraskan sistem-sistem ataupun dasar-dasar yang sedia ada di negara kita ini?

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana semakan ini menyeluruh, ada berbagai-bagai lapisan pembaharuan yang dikemukakan oleh jawatankuasa tersebut. Sebahagian daripada semangat pembahruannya itu telahpun diumumkan oleh Pengerusi Majlis Tanah Negara iaitu Yang Amat Berhormat Timbalan

Perdana Menteri. Strata title ataupun milikan harta taklik yang bertingkat-tingkat juga akan diasingkan dari Kanun Tanah Negara. Inilah contoh yang menunjukkan bahawa pembaharuan kepada pindaan itu ada mengandungi unsur-unsur seperti Yang Berhormat maksudkan itu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sebagaimana maklum bahawa orang-orang asing itu sangat galak untuk memiliki tanah dalam negara ini. Jadi sebelum seksyen 43 (a) diputuskan dalam tahun 1983 nanti kemungkinan di antara masa itu ada berlaku tentang penukaran milik ini kepada rakyat negara asing. Jadi apakah pihak Menteri bercadang untuk ditangguhkan seksyen 43 (a) daripada dilaksanakan dalam negara ini supaya mengelakkan pemilikan tanah oleh orang asing?

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, itu hanya merupakan syor-syor yang terpaksa ditapis oleh Majlis Tanah Negara dan bidang yang terlibat sebenarnya ialah tanah-tanah industri dan tidak tanah-tanah yang lain. Sekiranya majlis itu nanti membuat keputusan maka kita akan merumuskan untuk dimaklumkan kemudian kelak.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua saya ingin bertanya kepada Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah adakah beliau sedar bahawa kekuatan menjamin sekatan-sekatan yang ada sekarang ini mungkin tidak kuat lagi kerana terdapat sekatan-sekatan itu kadang-kadang dilanggar dan disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tertentu. Adakah beliau sedar mengenai perkara ini dan apakah langkah yang diambil untuk menentukan bahawa sekatan itu benar-benar dilaksanakan?

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang jelas tentang apa yang dimaksudkan dengan sekatan-sekatan oleh Ahli Yang Berhormat itu, tetapi jika ada yang dimaksudkannya dengan sekatan-sekatan ialah larangan yang terkandung di bawah Kanun Tanah Negara tersebut, menurut kajian yang dijalankan oleh Kementerian ini dan maklum-balas daripada Kerajaan-kerajaan Negeri dapat kita rumuskan bahawa kesemua sekatan atau larangan yang dikenakan terhadap pihak-pihak tertentu telah dapat dikuatkuasakan kecuali masalah yang di luar makluman Kerajaan Negeri ataupun pihak-pihak berkuasa.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi ada menyatakan sebuah Jawatankuasa telah ditubuhkan untuk menyemak semula Kanun Tanah Negara di Malaysia ini. Adakah menjadi tanggungjawab juga Jawatankuasa tersebut hendak menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh negeri-negeri tertentu seumpama masalah pajakan tanah harganya \$10,000 patut disemak semula.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir soalan itu tak bersangkutan, kerana yang ditanyakan ini ialah seksyen 43 (a), iaitu tanah yang akan dipindah-milik kepada warganegara asing, bukan bersangkutan dengan pajak-memajak.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan juga, saya ingin bertanya kepada Menteri berkenaan berhubung dengan masalah Kanun Tanah Negara di negara ini, adakah Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sedar bahawa Kanun Tanah Negara itu masih tidak ketat masih longgar.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini ditujukan kepada Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Ya. Jadi, di sini saya ingin bertanya adakah beliau sedar bahawa sejak kebelakangan ini banyak daripada tanah di negara kita ini telah terlepas ke tangan orang-orang asing, ada setengah daripada orang-orang daripada negara asing itu mereka itu pandai dengan menggunakan orang-orang tempatan....

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat tak dibenarkan membuat ucapan. Ahli Yang Berhormat diminta membuat pertanyaan.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Ya, minta maaf. Jadi, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa tanah-tanah di negara ini banyak terlepas kepada orang-orang warganegara asing?

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang-di-Pertua, oleh kerana Jawatankuasa berkenaan di bawah Kementerian ini menyedari akan beberapa hakikat berhubung dengan kelonggaran itulah maka Jawatankuasa itu telah berfungsi sedemikian rupa dan menjelang awal tahun 1983, saya yakin bahawa perkara yang ditakuti oleh Ahli Yang Berhormat itu dapat dirumuskan sebagai cadangan.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi menyatakan perakuan akan dikemukakan kepada Majlis Kanun Tanah Negara mengenai pemilikan tanah di negara kita. Saya yakin bahawa cadangan untuk mengharamkan sama sekali pemilikan tanah oleh orang-orang asing tentu tidak boleh dibuat. Apakah perakuan-perakuan yang akan dikemukakan oleh Kementerian beliau kepada Majlis Kanun Tanah Negara, tanah jenis macam manakah yang boleh dimiliki oleh orang-orang asing? Dapatkah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan?

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, di bawah perakuan Jawatankuasa berkenaan yang bidang tugasnya diawasi oleh Kementerian ini, hanya tanah perindustrian yang diperakukan boleh dipindah milik, tertakluk kepada beberapa syarat. Tetapi sebagaimana saya maklumkan tadi kalau syarat-syarat yang detil terpaksa dikemaskinikan maka tidaklah wajar bagi saya untuk memperakukan satu persatu di peringkat ini sehingga selesai kajian yang menyeluruh dan juga perincian yang panjang lebar terhadap syor-syor yang berkenaan.

SEKOLAH—KEMUDAHAN BERIBADAT

7. Dato' Haji Mohamed bin Haji Ali minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada menjadi dasar Kementerian Pelajaran mengadakan kemudahan beribadat bagi tiap-tiap bangunan sekolah yang baru dibina; jika tidak, kenapa.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohd. Khalil Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kementerian Pelajaran mengadakan kemudahan beribadat di sekolah-sekolah. Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran, dalam perakuannya, telah membuat penekanan yang sama dalam hal ini. Adalah dikehendaki bahawa setiap bangunan sekolah yang baru dibina dilengkapi dengan kemudahan beribadat. Usaha-usaha ke arah ini sedang dijalankan.

Tuan Ismail bin Said: Dalam jawapan dari Timbalan Menteri Pelajaran ada menyatakan bahawa mana-mana bangunan sekolah baru diminta supaya menyediakan tempat-tempat beribadat. Apakah halnya dengan bangunan-bangunan sekolah-sekolah yang lama, adakah diberi satu peruntukan yang lain tujuan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain, yang ditanyakan itu bangunan sekolah baru. Kalau sekolah yang lama, itu tak masuk dalam pertanyaan asal.

Tuan Tan Kok Hooi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya adakah termasuk semua aliran sekolah iaitu sekolah termasuk sekolah jenis kebangsaan?

Dato' Mohamad Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, mengikut perakuan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran, Kementerian Pelajaran menyediakan pelan yang seragam untuk pembinaan bilik ugama atau surau yang terasing bagi sekolah-sekolah yang ingin mendirikan bilik atau surau seumpama itu. Dengan perkataan lain, surau itu adalah dihaskan kepada bangunan bercorak ugama Islam.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pihak Kementerian mengadakan dasar baru untuk mendirikan dan memberi kemudahan beribadat kepada tiap-tiap bangunan sekolah yang baru bukan sahaja mengadakan tempat beribadat tetapi adakah juga mengadakan latihan beribadat. Maksud saya melatih anak-anak menjadi bilal, menjadi imam supaya masalah imam ini besok anak-anak kita tidak timbul beberapa masalah kekeliruan lagi (*Ketawa*).

Dato Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, soalan asal ialah bertanya kepada Kementerian Pelajaran sama ada mengadakan kemudahan beribadat. Saya telah menjawab mengatakan bahawa yang sebenarnya sebuah Jawatankuasa Kecil Mengkaji Rêkabentuk Bangunan Sekolah dan kemudahan Fizikal telah ditubuhkan untuk mengkaji pemberian kemudahan ini.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan lagi, maksud saya apakah ada latihan dalam bentuk bukan sahaja beramal-ibadat tetapi latihan beribadat, itu maksud saya.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya telah mentarifikan jawapan ini lebih daripada soalan yang asal, tetapi bolehlah saya mengatakan bahawa dari segi latihan ini telahpun termasuk di dalam kurikulum-kurikulum yang ada sekarang.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sebenarnya ada juga terdapat bangunan-bangunan baru yang tidak ada tempat beribadat. Jadi, oleh kerana dasar Kerajaan untuk mengadakan tempat beribadat seperti ini, apakah Kementerian bercadang untuk mengadakan peruntukan bagi membina tempat beribadat bagi sekolah-sekolah baru yang tidak ada tempat beribadat?

Dato' Mohamed Khalid Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya telah nyatakan bahawa Kementerian sedang mengkaji hasil-hasil daripada syor-syor jawatankuasa yang saya sebutkan tadi.

Tuan Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dapati banyak sekolah-sekolah terutamanya pihak PIBG dan Guru Besarnya ada meminta derma-derma daripada orang ramai untuk menyelesaikan, membina ataupun menyiapkan tempat beribadat di sekolah-sekolah terutamanya di sekolah menengah. Apakah pihak Kementerian sedar bahawa perkara ini berlaku, apakah perkara ini di bawah kerelaan ataupun kebenaran pihak Kementerian ataupun tidak; kalau tidak, mengapa pihak Kementerian tidak menyiapkan peruntukan yang cukup untuk tempat ibadat sehingga mereka terpaksa mencari derma di sana-sini?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, dalam perakuan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran yang sebenarnya ada disyorkan bahawa pembinaan hendaklah diuruskan oleh pihak sekolah dengan melibatkan Persatuan Ibubapa dan Guru serta masyarakat sekeliling. Jadi saya juga memang sedar bahawa dalam rangka ini malahan ada juga Wakil-wakil Rakyat diminta untuk menderma.

PENUNTUT MALAYSIA DI LUAR NEGERI

8. Tuan Abdul Raman bin Suliman minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan penuntut-penuntut Malaysia di luar negeri yang terlibat dengan kes dadah;
- (b) jumlah yang tidak dapat meneruskan pelajaran mereka sehingga tamat dan sebab-sebabnya; dan
- (c) bilangan penuntut persendirian dan yang mendapat bantuan Kerajaan yang tidak dapat menamatkan pengajian mereka.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat penuntut-penuntut Malaysia di luar negeri adalah dihantar oleh beberapa penganjur yang tidak secara langsung di bawah bidangkuasa Kementerian Pelajaran. Badan-badan ini menyimpan rekod masing-masing mengenai pelajar-pelajar mereka.

Bagi pelajar-pelajar di bawah Kementerian Pelajaran maklumat yang diperlukan adalah seperti berikut:

- (a) tiada kes yang terlibat dengan dadah.
- (b) jumlah yang tidak dapat meneruskan pelajaran mereka sehingga masa ini ialah secara 20

orang. Ini adalah kerana sebab-sebab kesihatan dan yang menarik diri dari belajar kerana berkahwin. Bagi mereka yang sakit biasanya digalakkan untuk masuk ke universiti tempatan dan biasiswa mereka diteruskan.

- (c) Kementerian ini tidak menyimpan rekod bagi penuntut-penuntut persendirian. Bagi mereka yang mendapat bantuan Kerajaan seperti dari Yayasan-yayasan dan badan-badan yang lain, Kementerian Pelajaran tiada diberi maklumat mengenai penamatan pelajaran mereka.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam jawapannya ada menyebut bahawa ada 20 orang murid-murid atau pelajar-pelajar yang tidak dapat meneruskan pelajaran mereka dan antara sebab-sebabnya ialah kerana mereka berkahwin.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa ada satu pakatan ataupun kumpulan pelajar antarabangsa yang beragama Islam yang sedang menghasut dan memerangkap penuntut-penuntut baru daripada seluruh dunia termasuk Malaysia yang datang belajar di luar negeri terutamanya di Amerika supaya mereka berkahwin, memaksa anak-anak gadis kita berkahwin dengan siapa juga pelajar-pelajar yang ada di situ, tidak semestinya orang Malaysia. Perkara ini telah sampai kepada pengetahuan saya sehingga menyebabkan ibubapa sekarang takut menghantar anak-anak gadis mereka belajar di Amerika. Kalau beliau sedar, saya ingin bertanya apakah langkah-langkah positif yang diambil oleh pihak Kementerian supaya anak-anak gadis yang kita hantar belajar ke Amerika itu tidak terperangkap di dalam gerakan extremist pelajar-pelajar Islam yang saya sebutkan tadi?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tanggungjawab Kementerian sentiasa memerhatikan kebajikan pelajar-pelajar kita di luar negeri. Walau bagaimanapun oleh kerana maklumat daripada Yang Berhormat tadi merupakan perkara yang kita belum mengkaji secara mendalam, saya mohon izin kepada Ahli Yang Berhormat untuk berhubung dengan Kementerian supaya satu tindakan seperti yang disyorkan dapat diperkirakan, sekiranya maklumat-maklumat itu memerlukan tindakan daripada Kementerian Pelajaran.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti yang kita semua sedia maklum pelajar-pelajar yang belajar di negara-negara asing selalunya menghadapi kesulitan-kesulitan yang tertentu. Selain daripada kesulitan yang ada berkaitan langsung dengan pelajaran terdapat juga satu fenomena yang dikenali sebagai "cultural shock", iaitu di mana pelajar-pelajar kita haruslah menghadapi masalah seperti makanan yang tidak sesuai, gaya hidup yang tidak sama, nilai-nilai kebudayaan yang bercanggah dengan kebudayaan kita dan sebagainya. Ini mungkin menimbulkan sejenis tekanan jiwa yang mengakibatkan kegagalan iaitu yang menyebabkan pelajar-pelajar ini tidak dapat melanjutkan pelajaran. Adakah Kementerian Pelajaran telah ataupun akan mengadakan langkah-langkah yang tertentu untuk mengurangkan kesulitan ini, misalnya kursus-kursus orientasi dan sebagainya, sekurang-kurangnya bagi pelajar-pelajar yang dianjurkan oleh agensi-agensi Kerajaan?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, memang Kerajaan sedar terdapatnya perbezaan antara suasana di negara kita dengan negara-negara luar yang mana pelajar-pelajar kita pergi. Dalam hal ini memang kita mengadakan kursus-kursus ataupun orientasi yang

dijalankan oleh pihak-pihak peng-anjur yang menghantar pelajar-pelajar ini keluar dan juga oleh Jabatan-jabatan penuntut kita di luar-luar negeri.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian Pelajaran telah membuat satu kajian tentang kemajuan pelajaran anak-anak kita di luar negeri yang telah kahwin dengan yang belum kahwin. Apakah yang belum kahwin ini lebih maju pelajarannya daripada yang sudah kahwin sebab setahu saya kalau anak-anak yang sudah tempoh lebih daripada setahun duduk di luar negeri belajar, terutama anak perempuan manakala mereka berkahwin ketenangan jiwa mereka lebih lagi dan penumpuan mereka kepada pelajaran lebih lagi. Pada saya kalau ada berlaku seperti ini, bukanlah merupakan satu tindakan daripada gerakan ekstremis Islam yang cuba hendak merosakkan anak-anak kita.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa soalan itu tak bersangkutan dengan soalan asal (*Ketawa*).

PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU—USAHA MENGATASI KELEMAHAN

9. Datuk Jamaludin bin Haji Suhaimi minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sudah lemah dan telah tiada dihormati lagi oleh ahli-ahlinya sendiri. Tidakkah Malaysia bercadang hendak mengambil daya usaha bagi menyusun semula badan dunia itu untuk mengatasi kelemahannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Luar Negeri memang sedar bahawa

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu seperti yang wujud sekarang ini sudah lemah dan tidak lagi begitu mendapat kepercayaan dari ahli-ahlinya sendiri. Malaysia sebagai sebuah negara yang sentiasa mematuhi Piagam Bangsa-bangsa Bersatu dan yang menyakini kepada potensiil pertubuhan ini dalam memainkan peranan penting bagi memelihara keamanan dan keselamatan antarabangsa serta memajukan kesejahteraan penduduk di seluruh dunia telahpun beberapa kali menegaskan tentang perlunya kedudukan dan kewibawaan badan dunia ini sentiasa diperkuat dan diperkukuhkan. Di samping itu kita sendiri telah buktikan sikap ini dengan memainkan peranan yang aktif dalam segala kegiatan-kegiatan pertubuhan tersebut. Penegasan ini telah dibuat sekali lagi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam suatu ucapan yang telah disambut hangat di Perhimpunan Agung pertubuhan tersebut di New York pada 29hb September, 1982. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menegaskan bahawa semua negara termasuk Malaysia mesti membantu Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk memulihkan kepercayaan dan keyakinan masyarakat antarabangsa terhadap pertubuhan itu supaya ianya dapat memainkan peranan yang lebih berkesan untuk mempertahankan dan mengekalkan keamanan serta kestabilan dunia. Walau bagaimanapun, penegasan Malaysia dan juga negara-negara kecil yang lain akan tinggal kata-kata sahaja jika tidak ada sokongan penuh serta penukaran sikap negara-negara kuasa besar terhadap Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Dari itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menekankan betapa perlunya negara-negara kuasa besar menukar sikap dan dasar mereka yang negatif terhadap Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan memberi nafas baru kepada

pertubuhan dunia itu dengan cara mematuhi Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan melaksanakan keputusan-keputusan yang telah diambil oleh pertubuhan tersebut. Pihak Kementerian ini akan terus menerus berusaha sejajar dengan kemampuan negara kita untuk menguatkan pertubuhan itu.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kita tadi jelas menunjukkan kepada kita bahawa PBB adalah hanya merupakan tidak lebih dari satu forum antarabangsa tahunan di mana ianya melibatkan permainan kuasa-kuasa besar. Saya ingin tahu setelah menyedari hakikat ini, apakah negara kita Malaysia masih lagi yakin bahawa pertubuhan ini boleh memainkan peranannya bagi menyelesaikan masalah antarabangsa pada hari ini dan tidaklah boleh negara kita mengalihkan pandangannya ataupun menggantungkan harapannya kepada pertubuhan-pertubuhan lain yang lebih kecil bilangan ahlinya, misalnya OIC, ASEAN dan negara-negara berkecuali ataupun ACDC dan sebagainya supaya tindakan kita lebih berkesan lagi.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telahpun dilahirkan pada tahun 1945 dengan harapan penuh seluruh rakyat dunia supaya pertubuhan ini dapat membawa dan mempertahankan keamanan dalam dunia ini. Pada masa-masa lalu pertubuhan ini pernah berkesan ke arah mencapai objektif ini dan pihak Kerajaan Malaysia yakin bahawa pertubuhan ini memang ada potential dan dapat memainkan peranan sewajarnya yang diharapkan dari pertubuhan itu dengan syarat kuasa-kuasa besar ikhlas kepada perjuangannya.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada beliau bersetuju dengan saya bahawa akar umbi daripada penyakit kelemahan Bangsa-bangsa Bersatu yang terdapat sekarang ialah adanya kuasa veto yang diberikan oleh Piagam Bangsa-bangsa Bersatu kepada kuasa-kuasa besar yang menjadi pengasas kepada pertubuhan itu, dan kalau beliau bersetuju bahawa inilah yang menjadi akar umbi kepada masalah yang dihadapi oleh pertubuhan dunia ini maka apakah yang dapat dibuat oleh Malaysia dan lain-lain negara yang berpendapat dengan Malaysia mengenai kemungkinan dihapuskan kuasa veto yang diberi kepada kuasa-kuasa besar ini.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, bukan selalunya kuasa veto itu tidak berfaedah kepada usaha memperjuangkan keamanan dalam dunia ini tetapi memang Kerajaan Malaysia sedar bahawa kerap kalinya kuasa veto inilah yang telah melemahkan dalam usaha untuk pertubuhan ini menjalankan kerja-kerjanya dengan berkesan.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen masih lagi belum menjawab soalan saya yang kedua, iaitu tidaklah boleh negara kita Malaysia mengalihkan pandangan ataupun menggantungkan harapannya kepada pertubuhan-pertubuhan di mana keahliannya lebih kecil di mana kita senang dapat mengenal di antara satu sama lain di antara ahli-ahli, misalnya OIC, ASEAN, ACDC dan sebagainya.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua sebagaimana yang telah saya jawab Kerajaan masih yakin bahawa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu itu ada potential untuk memainkan

perannya sebagaimana yang dikehendaki apabila ianya telah dilahirkan pada tahun 1945. Di samping itu Kerajaan Malaysia juga berfikir memanglah perjuangan dari segi berbagai-bagai aspek boleh juga diperjuangkan menerusi badan-badan kecil yang lain seperti OIC, ASEAN dan sebagainya.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen juga tidak menjawab soalan bahagian kedua saya, iaitu apakah yang patut dibuat oleh pihak Kerajaan Malaysia hendak buat mengenai kemungkinan dihapuskan kuasa veto yang ada di dalam Piagam BB sekarang.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya jawabkan, sebenarnya saya telah jawabkan bukan selalunya kuasa veto itu merugikan perjuangan pertubuhan ini dalam mewujudkan keamanan dalam dunia ini tetapi itu cuma merupakan salah satu dari berbagai-bagai kelemahan yang terdapat dalam perjalanan pertubuhan tersebut tetapi yang lebih penting adalah sikap keikhlasan kuasa-kuasa besar. Inilah yang telah ditekan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri kita dan akan terus ditekankan oleh kita bersama dengan negara-negara kecil yang lain dalam berbagai-bagai forum antarabangsa.

PROJEK PEMBESARAN LAPANGAN TERBANG KUCHING

10. **Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Pengangkutan menyatakan tarikh matlamat untuk penyiapan Projek Membesarkan Lapangan-terbang Kuching, sebab-sebab kelewatan menyiapkan projek yang tersebut di atas, perbelanjaan tambahan yang terlibat akibat kelewatan tersebut.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, projek pembesaran Lapanganterbang Kuching melibatkan pemanjangan landasan untuk operasi Airbus dan pembinaan sebuah bangunan terminal yang baru. Kerja-kerja pemanjangan dan menguatkan landasan telahpun disiapkan pada bulan April tahun ini dan perkhidmatan Airbus telahpun dimulakan pada bulan Ogos tahun ini juga. Walau bagaimanapun, pembinaan bangunan terminal baru telah tergendala oleh kerana pihak kontraktor yang dilantik untuk kerja-kerja pembinaan tersebut telah menghadapi masalah kewangan dan tidak dapat meneruskan pelaksanaan tersebut. Bagi mengatasi masalah ini dan untuk menentukan bahawa pembinaan bangunan terminal baru dapat diteruskan, Kerajaan telahpun menamatkan kontrak yang berkenaan dan telah melantik kontraktor yang baru. Perbelanjaan tambahan yang terlibat bagi menyiapkan pembinaan bangunan terminal ialah sebanyak \$7.6 juta. Projek ini sedang berjalan dengan baiknya dan dijangka akan siap pada bulan Julai tahun hadapan.

PERKESO—TUNTUTAN BENCANA PEKERJAAN

10. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan tentang bilangan tuntutan kecederaan pekerjaan di bawah PERKESO dalam tahun-tahun 1978, 1979, 1980, 1981 sehingga bulan Ogos, 1982 dan sama ada sebarang penyiasatan dijalankan untuk menentukan kecuaihan pihak majikan. Jika ada, sama ada majikan-majikan tersebut telah didakwa.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, bilangan tuntutan bencana pekerjaan di bawah PERKESO bagi tahun-tahun

1978, 1979, 1980, 1981 dan sehingga bulan Ogos tahun 1982 adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan
1978	14,688
1979	13,970
1980	13,870
1981	22,347
Sehingga bulan Ogos, 1982	17,681

Penyiasatan adalah dijalankan bagi kemalangan-kemalangan yang melibatkan kecacatan sahaja manakala yang lebihnya adalah kemalangan-kemalangan kecil.

Bilangan kemalangan-kemalangan yang disiasat bagi tahun-tahun 1978, 1979, 1980, 1981 dan sehingga bulan Ogos tahun 1982 adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan
1978	108
1979	97
1980	79
1981	42
Sehingga bulan Ogos, 1982	24

Di dalam sesuatu kemalangan hanya Mahkamah Undang-undang sahaja yang boleh menentukan sama ada pihak majikan atau pekerja yang cuai. Dari laporan-laporan penyiasatan kemalangan yang dijalankan oleh Kementerian saya terdapat di dalam kebanyakan kes-kes kemalangan itu kedua-dua belah pihak, pekerja dan majikan, terlibat dengan kecuaihan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Bagaimanapun di dalam tahun 1981 Kementerian saya telah mendakwa 3 majikan dan sehingga bulan Ogos tahun 1982, 8 majikan telah didakwa. Di samping itu masih ada 12 kes yang sedang menunggu pendakwaan di mahkamah.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan

bahawa Kementerian beliau akan menyasiat kemalangan-kemalangan yang melibatkan kecacatan sementara kemalangan kecil tidak disiasat. Jadi, saya ingin tahu daripada beliau apakah kriteria yang digunakan untuk membezakan di antara kemalangan kecil dengan kemalangan yang boleh melibatkan kecacatan.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah bergantung kepada tiap-tiap satu kes. Pada amnya Kementerian saya mesti dapat satu laporan terlebih dahulu dari majikan sendiri dan/atau dari pekerja itu dan dari laporan itu kami boleh menentukan sama ada siasatan akan dijalankan atau tidak.

DEMONSTRASI HARAM TERHADAP PEGUAM ASING

12. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan kedudukan berkaitan dengan demonstrasi haram terhadap 7 orang Peguam asing yang melawat Malaysia dalam bulan Ogos, 1982 di Hotel Merlin, Kuala Lumpur. Adakah disyorkan tindakan undang-undang diambil terhadap mereka yang menyertai demonstrasi tersebut khususnya Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin, bekas Ketua Pemuda UMNO, Datuk Lee Kim Sai, Ketua Pemuda MCA dan Encik M. Muthu Palaniappan, Ketua Pemuda MIC yang memimpin demonstrasi itu.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, siasatan polis bersangutan dengan demonstrasi di Hotel Merlin, Kuala Lumpur terhadap 7 orang peguam asing yang melawat Malaysia dalam bulan Ogos, 1982 hampir selesai. Sebaik sahaja ianya diselesaikan, perkara ini akan dikemukakan kepada Peguam Negara selaku Pendakwa Raya bagi pertimbangannya seperti mana yang termaklum dari segi Perlembagaan, Peguam Negara sahajalah yang berkuasa menentukan sama ada seseorang itu patut ataupun

tidak didakwa (Perkara 145 (3) Perlembagaan Persekutuan berkaitan).

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri apakah kedatangan 7 orang peguam asing ke negara kita ini ada berkaitan dengan jemputan daripada parti Pembangkang yang tidak puas hati dan juga kerana kes-kes yang dibawa terutama kes ISA tidak dapat pertimbangan daripada pihak keadilan?

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir soalan itu terkeluar daripada soalan asal.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jawapan Yang Berhormat Menteri sebentar tadi menyatakan bahawa laporan mengenai hal ini sedang disiapkan. Saya ingin bertanya adakah penyiasatan dan apakah laporan yang sedang disiapkan itu mengandungi maklumat-maklumat mengenai sama ada rakyat Malaysia yang terlibat di dalam membawa orang-orang ini ke mari?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, saya belum pasti apakah perkara-perkara yang akan dimasukkan dalam siasatan yang sedang dijalankan oleh pihak Polis itu. Saya percaya pihak Polis akan mengambil perhitungan segala-galanya yang berhubungan dengan perkara terutama sekali yang melanggar ketenteraman awam pada masa itu.

Tuan Tan Kok Hooi: Tuan Yang di-Pertua, 7 orang peguam asing melawat Malaysia telah terang-terang campurtangan urusan rumahtangga kita. Kenapa Kerajaan izinkan mereka berbuat demikian?

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir soalan itu bukan terbit daripada soalan asal. Soalan asal itu ialah di atas

kedudukan berkaitan dengan demonstrasi haram terhadap 7 orang peguam.

Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan telah habis.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1,2,13 hingga 28 adalah diberi di bawah ini)

RANCANGAN PEMULIHAN KAMPUNG— JUMLAH PERUNTUKAN

1. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan jumlah wang yang diperuntukkan di bawah Rancangan Pemulihan Kampung-kampung kepada rumah-rumah di kampung yang disenaraikan di bawah kategori "C" (kampung mundur) semenjak skim ini diwujudkan dan:

- (a) bagaimana pemulihan dan penentuan dibuat; dan
- (b) pihak manakah di peringkat Negeri yang diamanahkan untuk memberi bantuan kepada mereka yang berkenaan.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Sanusi bin Junid): Rancangan Pemulihan Kampung diwujudkan pada tahun 1979. Sehingga sekarang tahun 1982 jumlah wang yang dibelanjakan di bawah Rancangan tersebut ialah \$152,282,654.00. Untuk menjayakan RPK ia memerlukan seorang Pegawai Penggerak yang boleh menasihatkan Ketua Kampung/JKKK menyiapkan program pembangunan dan menentukan projek-projek yang boleh dijalankan bagi sesuatu kampung itu.

Ada 2 cara di mana Pegawai Penggerak ini dilantik:

- (i) Melantik Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan dalam daerah untuk mengawasi sesuatu

kampung ataupun sekumpulan kampung-kampung. Pegawai yang dilantik mestilah seorang yang jujur dan rela bertugas pada bila-bila masa juapun.

- (ii) Sekiranya pegawai-pegawai Kerajaan seperti yang dinyatakan tidak mencukupi maka seorang penduduk kampung yang mempunyai sifat yang dinyatakan di atas boleh dilantik. Sekiranya JKKK/Ketua Kampung yang berkenaan sanggup dan mampu menjalankan projek-projek RPK ini maka memadailah digunakan mereka sebagai Pegawai Penggerak. Bagaimanapun ini semua terpulanglah kepada budibicara Pegawai Penggerak untuk menentukan.

Pegawai-pegawai Penggerak

Rumah-rumah yang akan dipulihkan akan ditentukan oleh Pegawai-Penggerak dengan kerjasama JKKK. Antara kriteria yang dilihat ialah keselamatan rumah yang akan dipulihkan, keselesaan untuk didiami dan juga keupayaan pemilik-pemilik rumah itu sendiri. Rumah-rumah yang diperakukan oleh Pegawai Penggerak untuk dibaiki atau dipulihkan akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Tindakan Daerah untuk kelulusan. Apabila kelulusan telah diberi maka rumah-rumah tersebut berhak mendapat bantuan sehingga 1 ribu ringgit maksima bagi sesebuah rumah.

KURIKULUM BARU SEKOLAH RENDAH (3M)

2. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah penyesuaian yang telah dibuat pada sistem 3M yang akan dilaksanakan sepenuhnya di seluruh negara pada tahun depan, dan sejauh mana penyesuaian ini telah memenuhi

hasrat-hasrat ibubapa murid-murid keturunan Cina dan sejauh mana penekanan akan dibuat atas pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah rendah Cina.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Semasa Kurikulum Baru Sekolah Rendah (3M) diperkenalkan di 302 buah sekolah pada tahun 1982 telah timbul kekeliruan pada setengah-setengah golongan masyarakat mengenai beberapa perkara, mengenai pelaksanaannya. Untuk mengatasi perkara tersebut Kerajaan telah memastikan bahawa corak Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan (Tamil) tidak akan diubah. Di samping itu Kementerian Pelajaran telah juga mengambil langkah memperkemaskan beberapa aspek program pendidikan moral dan muzik dan perkara-perkara ini telah pun selesai. Dengan adanya penjelasan dan langkah-langkah mengemaskinikan kurikulum ini adalah diharapkan hasrat ibubapa murid-murid keturunan Cina telah dapat dipenuhi.

Dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah, penekanan adalah diberikan kepada penguasaan bahasa pengantar sekolah, iaitu Bahasa Malaysia di Sekolah Kebangsaan, Bahasa Cina di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, dan Bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan (Cina) dan (Tamil) setelah murid-murid dapat menguasai kemahiran-kemahiran asas bahasa pengantar dengan baik, penekanan diberikan pula kepada penguasaan Bahasa Malaysia, dan seterusnya Bahasa Inggeris.

RANGKAIAN KEDUA TV MALAYSIA SABAH/SARAWAK

13. Tuan Haji Affendy bin Tun Haji Mohd. Fuad Stephens minta Menteri

Penerangan menyatakan bilakah siaran penuh untuk saluran Dua Malaysia Timur siap dan jumlah kosnya.

Menteri Penerangan (Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Pelaksanaan projek Rangkaian Kedua TV Malaysia ke Sabah dan Sarawak dijadualkan siap pada 31hb Julai, 1983 dan selepas ujian-ujian pemancaran dilakukan adalah dijangka siaran rasmi dimulai sempena hari Kebangsaan pada 31hb Ogos, tahun hadapan.

Kos pelaksanaan projek ini yang melibatkan RTM iaitu pembelian alat-alat pemancar, bayaran kepada Jabatan Talikom dan bekalan kuasa ialah \$25,922,885. Ini tidak termasuk perbelanjaan yang ditanggung oleh Jabatan Talikom berkaitan dengan stesen satelit, alat-alat perhubungan microwave, underground cable dan lain-lain yang berkaitan.

KERAJAAN CAMPURAN KAMPUCHEA

14. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh mana keyakinan Malaysia terhadap Kerajaan Campuran Kampuchea di dalam peranannya bagi mewujudkan suasana aman dan stabil di Tenggara Asia. Adakah sebarang cadangan dibuat agar negara ini diterima menjadi anggota ASEAN.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Sebagai menjawab soalan Ahli Yang Berhormat saya ingin menjelaskan di sini bahawa tujuan utama Kerajaan Campuran Kampuchea, yang diketuai oleh Putera Norodom Sihanouk sekarang ini, adalah untuk membebaskan negara mereka dari penaklukan kuasa asing berlandaskan Pengisytiharan Persidangan Antarabangsa mengenai Kampuchea—atau apa yang dikenali sekarang ini sebagai Pengisytiharan ICK. Apabila hasrat ini telah tercapai maka dengan sendirinya akan

terujudlah suatu keadaan baru di mana keamanan dan kestabilan di rantau Asia Tenggara akan lebih terjamin dan stabil.

Sukacita juga saya nyatakan bahawa dari maklumat-maklumat yang kita perolehi sebahagian besar rakyat Kampuchea mengalu-alukan penubuhan Kerajaan Campuran ini termasuk juga dari kalangan askar dan pegawai-pegawai rejim boneka Heng Samrin yang terdapat di Phnom Penh. Malah yang menjadi masalah sekarang ini adalah mengenai keghairahan begitu ramai rakyat Kampuchea yang sanggup turun ke medan peperangan untuk membebaskan negara mereka sedangkan Kerajaan Campuran ini perlu sedikit masa untuk memperkemaskan jenteranya. Di samping itu, sokongan antarabangsa terhadap perjuangan Kerajaan Campuran Kampuchea ini juga kian meningkat dan, jika sekiranya soal tauliah Kerajaan tersebut dibincangkan semula di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tahun ini ianya, insya Allah, akan mendapat sokongan yang lebih dari tahun-tahun sudah. Oleh yang demikian, dengan terdapatnya keadaan-keadaan tersebut, Malaysia yakin Kerajaan Campuran Kampuchea yang diketuai oleh Putera Norodom Sihanouk akan mencapai matlamat perjuangannya.

Mengenai keanggotaan Kampuchea di dalam ASEAN pula perkara ini adalah terlalu awal untuk dibincangkan. Tetapi apabila keadaan di negara itu dipulihkan mengikut Pengisytiharan ICK dan Kerajaan yang terpilih itu memutuskan untuk menganggotai ASEAN maka saya tidak nampak kenapa negara-negara ASEAN tidak akan mengalu-alukan hasrat tersebut.

CUKAI ESTATE—MEMANSUHKAN

15. Tuan Kan Yau Fah minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan akan memberi

pertimbangan untuk memansuhkan cukai estate atau dengan cara yang lain menaikkan cukai asalnya di mana cukai estate termasuk dalam kiraan.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Kerajaan tidak berhajat membuat apa-apa perubahan ke atas cukai estate pada ketika ini.

KERETA RASMI PERDANA MENTERI

16. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bercadang hendak menukar kereta rasmi beliau iaitu Mercedes Benz yang nombor pendaftarannya WG 1 dengan sebuah kereta yang diperbuat di sebelah Timur yang sesuai dengan taraf seorang Perdana Menteri.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kerajaan telahpun membeli sebuah kereta yang baru untuk menggantikan kereta jenis Mercedes Benz yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

UNDANG-UNDANG ISLAM- PERLAKSANAAN

17. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohammad minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau bercadang hendak melaksanakan kehendak-kehendak Islam ke dalam perundangan negara, jika ya, bila.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin): Di dalam dunia Islam perlaksanaan undang-undang Islam adalah berbeza di antara satu negara dengan negara yang lain. Tidak ada satu negara yang mempunyai penduduk dari orang Islam, sama ada hampir seratus peratus atau sebagai minoriti yang melaksanakan undang-undang Islam seratus peratus.

Keadaan ini terdapat bukan kerana negara-negara ini membelakangkan agama Islam tetapi kerana Islam memberi kelonggaran dalam pelaksanaan undang-undang Islam mengikut keadaan dalam sesuatu negara, iaitu mengikut al-siasah.

Terdapat di dunia ini kumpulan-kumpulan orang Islam yang minoriti yang sudah tentu tidak mungkin menjalankan undang-undang Islam kerana percubaan membuat demikian akan membawa tindakan yang keras dari kaum majoriti. Bagi negara yang penduduknya hampir seratus peratus Islam, keadaan perhubungan politik dan dagang dengan negara asing juga mempunyai kesan terhadap pelaksanaan undang-undang Islam dalam negeri.

Dalam keadaan yang mana orang Islam adalah 50% sahaja dari penduduk sebuah negeri, pelaksanaan undang-undang Islam tentulah terpaksa mengambilkira siasah yang wujud dalam keadaan ini. Yang penting ialah kesalahan yang salah pada pandangan agama Islam dihukum dengan hukuman yang berasaskan kepada keadilan yang terdapat dalam agama Islam. Jika ini dibuat maka mengikut kelonggaran yang diberi oleh agama Islam dalam keadaan siasah yang tertentu, maka undang-undang Islam dianggap sebagai terlaksana. Malaysia adalah di dalam kategori ini. Jika Malaysia dikatakan tidak melaksanakan undang-undang Islam maka dunia Islam terpaksa akui bahawa tidak ada negara Islam di dunia ini dan tidak ada tempat di mana undang-undang Islam dilaksanakan. Pendapat yang akhir ini adalah tidak tepat kerana Islam memang memberi kelonggaran dan Islam tidak bermaksud untuk menyusahkan penganutnya sehingga mereka terdedah kepada bahaya yang mungkin menghapuskan mereka.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk melaksanakan undang-undang Islam adalah sejajar dengan siasah di Malaysia. Langkah-langkah ini diasaskan kepada sunnah Nabi, yang mana seperti kita semua tahu pelaksanaan hukum-hukum mengambil kira bukan sahaja hukum yang ditetapkan bagi sesuatu jenayah tetapi juga kedudukan penganut Islam di masa tertentu dan perasaan perikemanusiaan. Inilah sebabnya ibu yang hamil yang mengakui berzina tidak dihukum serta merta tetapi disuruh balik berfikir dan akhirnya apabila ia berkali-kali membuat pengakuan, hukuman dijalankan cuma setelah ia melahirkan anaknya. Islam adalah agama yang adil dan berperikemanusiaan dan kita di Malaysia berpandukan kepada ajaran Islam yang sebenar dalam melaksanakan undang-undang Islam.

Semua langkah yang perlu diambil mengikut siasah semasa telahpun diambil oleh Kerajaan Malaysia bagi melaksanakan undang-undang Islam. Mungkin, jika umat Islam di Malaysia tidak dipecah-belah dan dilemahkan, langkah-langkah akan bertambah di masa-masa hadapan mengikut keadaan siasah pada masa-masa itu.

TAR JALAN LANGKONG-PITAS

18. Tuan Newman Gaban minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bilakah pembinaan lebuh raya yang bertar daripada Langkong ke Pitas akan dimulakan dan bila ianya dianggarkan siap.

Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Buat pada masa ini tidak ada cadangan untuk mengetar jalan dari Langkong ke Pitas. Akan tetapi perkara ini akan dikaji semula di

dalam Kajian Semula Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat yang akan datang.

PINJAMAN BANK KEPADA KERAJAAN

19. Tuan Haji Affendy bin Tun Haji Mohd. Fuad Stephens minta Menteri Kewangan menyatakan butir-butir yang lengkap mengenai dengan pinjaman oleh Kerajaan yang telah diberikan oleh sebanyak 115 buah bank yang terbesar di dunia.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat setakat ini belum ada pinjaman yang diperolehi oleh Kerajaan yang melibatkan penyertaan 115 bank antarabangsa.

CUKAI EXPORT GETAH— MEMANSUHKAN

20. Tuan Kan Yau Fah minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang memansuhkan cukai import ke atas getah sekurang-kurangnya bagi yang dieksport dari Sabah kerana pengeluaran getah nampaknya seperti telah diabaikan kerana harga pengeluaran yang tinggi oleh sebab kesulitan pengangkutan dan jika cukai eksport dimansuhkan perusahaan getah dapat dimajukan dengan mengadakan galakan-galakan kepada pengusaha-pengusaha tempatan dan luar negeri dalam industri getah.

Tengku Tan Sri Razeleigh Hamzah: Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan duti eksport atas getah pada masa ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil langkah untuk meringankan beban duti eksport atas getah dengan melaksanakan konsep cost plus di mana duti eksport atas getah hanya dikenakan selepas kos pengeluaran diambil kira. Bagi Sabah dan Sarawak pula Kerajaan telah memberi pengecualian 30% duti eksport bagi getah yang dieksport terus dari kedua-dua negeri tersebut.

PERUNTUKAN KILAT TAHUNAN

21. Tuan Newman Gaban minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada pertimbangan boleh diberi supaya peruntukan kilat tahunan untuk projek-projek dilebihkan menjadi sekurang-kurangnya \$500,000.00 setahun terutamanya untuk kawasan-kawasan di luar bandar di Sabah sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru Malaysia yang mengutamakan pembasmian kemiskinan dan mengimbangkan kaya dan miskin serta memberi "pertimbangan utama" kepada kemajuan kaum Bumiputra.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Saya kurang pasti apakah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dengan 'Peruntukan Kilat Tahunan'. Suka dijelaskan di sini bahawa Kerajaan tidak ada membuat peruntukan kilat tahunan seperti yang disebutkan itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan yang besar pada setiap tahun di dalam kedua-dua sektor ekonomi dan sosial adalah dibuat untuk rakyat di Luar Bandar. Peruntukan-peruntukan ini adalah untuk membiayai rancangan-rancangan pembangunan dan kemudahan-kemudahan infrastruktur di kawasan-kawasan Luar Bandar. Di samping itu sejumlah perbelanjaan yang besar juga diperuntukkan di dalam bidang pertanian seperti memberi subsidi kepada para petani dalam mendapatkan berbagai jenis 'input' pertanian. Rancangan-rancangan pembukaan tanah yang besar juga adalah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi meninggikan lagi pendapatan serta taraf hidup penduduk di luar Bandar. Di dalam usaha memajukan lagi berbagai jenis perniagaan kecil yang boleh dibuat oleh rakyat di Luar Bandar, sejumlah peruntukan yang besar telah diberikan melalui MARA untuk melaksanakan tujuan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di samping melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan ini, Kerajaan juga memberi peruntukan

untuk membiayai projek-projek serta rancangan-rancangan kecil yang diperlukan segera seperti jalan-jalan kampung, parit dan longkang, jambatan-jambatan kecil dan sebagainya.

HARGA BAHAN UTAMA EKSPORT MALAYSIA

22. Tuan Haji Affendy bin Tun Haji Fuad Stephens minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah tindakan yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk memastikan harga-harga yang lebih baik untuk bahan-bahan pertanian seperti koko, kelapasawit dan getah.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Harga bahan-bahan utama eksport Malaysia seperti koko, kelapa sawit dan getah adalah ditentukan oleh faktor-faktor permintaan dan bekalan di pasaran antarabangsa. Kejatuhan harga bahan-bahan utama yang berlaku pada masa ini adalah berpunca daripada keadaan kemelesetan ekonomi dan pasaran dunia. Untuk menahan keadaan harga bahan-bahan utama terus merosot dan bagi menjaga kepentingan pengeluar-pengeluar khususnya pekebun-pekebun kecil, pihak Kerajaan telah, sedang dan akan terus berusaha mengambil beberapa langkah iaitu:

- (a) Meningkatkan usaha-usaha dalam penyelidikan dan pembangunan bagi meningkatkan hasil mutu, kekesan dan kecekapan untuk bersaing dengan pengeluar-pengeluar bahan utama lain di dunia;
- (b) Meningkatkan aktiviti-aktiviti pemasaran bahan-bahan utama ke negara-negara pengguna yang mempunyai potensi di samping memperkukuhkan pasaran-pasaran yang sedia ada dengan berusaha untuk menghapuskan atau mengurangkan rintangan-rintangan tarif dan bukan tarif

yang dikenakan oleh negara-negara pengguna;

- (c) Meoperasikan Bursa Komodi di Kuala Lumpur bagi mengadakan satu sistem penentuan harga bahan-bahan utama di negara kita yang cekap dan berkesan bagi kontrak masa depan. Usaha-usaha sedang giat dibuat supaya getah dan timah dapat diniagakan dalam Bursa tersebut di samping minyak kelapa sawit yang sedang diniagakan masa kini;
- (d) Menggalakkan penubuhan industri-industri berasaskan sumber bagi meningkatkan nilai-tokok bahan utama di samping meningkatkan usaha-usaha pemerosesan bahan-bahan utama bagi menjamin mutu serta menambah peluang pekerjaan.
- (e) Memastikan pembungkusan bahan-bahan utama yang kemas bagi menentukan mutu yang terjamin dan perkhidmatan perkapalan yang baik dengan kadar tambang yang berpatutan.

Selain daripada langkah-langkah yang saya sebutkan, kita ada Perjanjian Antarabangsa bagi getah dan bijih timah untuk mencapai penstabilan bagi kedua-dua bahan utama ini. Di samping itu, negara-negara pengeluar dalam rantau ini telah bersetuju supaya sektor perusahaan getah harus mengambil tindakan sewajarnya bagi mengukuhkan pasaran getah supaya harga getah dapat dipulihkan dengan secepatnya apabila keadaan ekonomi dunia beransur baik.

GETAH ASLI—MENSTABILKAN HARGA

23. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah usaha Kementerian bagi menstabilkan harga getah dan sejauh mana usaha dan

langkah Kementerian bagi menarik dan menawan hati Negara-negara Pengguna Getah Asli supaya mematuhi kehendak Negara-negara Pengeluar Getah Asli dengan cara membeli dengan harga yang berpatutan.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Berikutan dengan kemelesetan ekonomi dunia yang berlaku secara berleluasa dan berterusan sekarang yang mengakibatkan kejatuhan harga getah. Kementerian saya telah mengambil beberapa tindakan segera dan positif bagi menstabilkan harga getah asli. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telahpun menyumbangkan sejumlah peruntukan yang besar bersama-sama dengan Negara-negara Pengeluar dan Pengguna yang lain kepada akaun Stok Penimbal Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa (INRO) untuk maksud pembelian getah dari pasaran oleh Pengurus Stok Penimbal INRO. Sehingga ini Pengurus Stok Penimbal INRO telah membeli getah lebih dari 240,000 tan dari pasaran. Di atas desakan Malaysia bersama-sama dengan Negara-negara Pengeluar yang lain di Mesyuarat Majlis Getah Asli Antarabangsa yang lalu, Majlis tersebut telah mengarahkan Pengurus Stok Penimbal INRO untuk membeli getah dari pasaran dengan secara agresif dan tidak dapat diramalkan (unpredictable).

Walau bagaimanapun, memandangkan kepada keadaan ekonomi dunia yang berlaku secara berleluasa dan berterusan sekarang, pasaran getah terus menjadi lembab. Negara-negara di dalam Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC) telah bersetuju supaya langkah-langkah tambahan patutlah diambil bagi mengukuhkan pasaran getah asli serta menyegerakan pemulihan pasaran bahan berkenaan. Dalam hal ini sebenarnya pihak saya baru-baru ini telah mengadakan perbincangan dengan rakan-rakan sejawat saya di

Indonesia dan Thailand di mana ketiga-tiga negara iaitu Indonesia, Thailand dan juga Malaysia bersetuju bahawa di samping langkah-langkah yang diambil oleh INRO, sektor perusahaan getah di tiap-tiap negara yang berkenaan hendaklah mengambil langkah-langkah bagi membaiki keadaan pasaran getah. Dari segi Malaysia sektor estet telahpun bersetuju untuk melaksanakan langkah menahan getah sebanyak 51,000 tan manakala sektor perdagangan bersetuju menahan sebanyak 39,000 tan getah dari pasaran untuk tempoh 6 bulan ini mulai dari 1 Oktober 1982. Bagi pihak sektor pekebun-pekebun kecil pula, RISDA dan MARDEC akan membeli dan menyimpan stok sebanyak 39,000 tan getah lagi dengan meneruskan operasi pembelian khas mereka secara langsung dari pekebun-pekebun kecil. Adalah diharapkan langkah-langkah yang diambil oleh perusahaan getah asli di Indonesia, Thailand dan juga Malaysia dapat diperluaskan ke sektor perusahaan getah asli di Negara-negara Pengeluar ANRPC yang lain. Berkenaan dengan ini, satu kenyataan akhbar telah dikeluarkan pada pagi ini oleh sektor-sektor perusahaan getah ANRPC yang menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh sektor-sektor perusahaan di negeri-negeri ANRPC untuk mengurangkan bekalan getah kepada pasaran dengan tujuan mengukuhkan pasaran getah.

Saya percaya melalui langkah-langkah yang diambil oleh INRO dan Sektor Perusahaan Getah Negara-negara Pengeluar Getah Asli melalui ANRPC, ini akan dapat membantu mengukuhkan serta menyegerakan pemulihan semula pasaran getah asli apabila keadaan ekonomi dunia pulih semula.

BALAI-BALAI PENGHULU— PEMBESARAN

24. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Pembangunan

Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Balai-balai Penghulu adalah pejabat-pejabat bagi Penghulu dan juga tempat mesyuarat pemimpin-pemimpin tempatan dan rakyat untuk berbincang perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan luar bandar dan adalah didapati bahawa balai-balai ini adalah sangat kecil dan tidak sesuai lagi bagi tujuan ini dan jika ya, sama ada beliau bercadang akan membesarkan balai-balai ini dan jika perlu dijadikan kompleks Penghulu lengkap dengan sebuah pejabat, dewan orang ramai dan lain-lain pejabat cawangan yang berkaitan dengan pembangunan luar bandar.

Dato' Sanusi bin Junid: Perlantikan penghulu-penghulu adalah dibuat oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Oleh itu, penyediaan balai dan pejabat penghulu juga adalah tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri. Sungguhpun begitu, Kerajaan Pusat bersedia menimbangkan bantuan sekiranya terdapat permintaan dari negeri-negeri jika didapati yang permintaan tersebut adalah wajar dan menasabah. Sebenarnya konsep Kompleks Penghulu ini sedang dicuba di beberapa kawasan di Negeri Johor. Sekiranya konsep ini didapati berjaya dan berkesan ia mungkin dapat dilaksanakan di seluruh negara di mana-mana kawasan yang difikirkan perlu.

KOMPOSISI PELAJAR DI UNIVERSITI

25. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sungguhpun sistem kemasukan yang berdasarkan quota perkauman yang diamalkan sejak tahun 1970 telah berjaya untuk meningkatkan bilangan dan nisbah pelajar Bumiputra di Universiti-universiti tempatan, tetapi ianya telah sedikit sebanyak mendatangkan kesan-kesan yang kurang sihat di kalangan pelajar-pelajar dari segi sikap terhadap

pelajaran dan perhubungan di antara kaum, apakah langkah yang telah dan akan diambil untuk mengurangkan kesan-kesan kurang sihat ini; adakah Kerajaan bercadang hendak menggantikan sistem pengambilan pelajar ini dengan satu sistem baru yang berdasarkan latar belakang sosio-ekonomi keluarga serta pencapaian akademik supaya daikotomi (dichotomy) atau pembahagian perkauman tidak diutamakan, bahkan keadilan yang tertentu serta matlamat penyusunan semula masyarakat masih dapat dicapai.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Kerajaan telahpun menetapkan matlamat kemasukan berkompisosi 55:45 antara pelajar bumiputra dan bukan bumiputra untuk membayangkan komposisi penduduk dalam negara dan dasar ini adalah satu kompromi untuk mengimbangkan kedudukan berbagai kaum dalam negara. Sistem yang lain seperti sistem yang berdasarkan kepada pencapaian akademik sahaja tidak begitu adil dalam keadaan di mana setengah golongan yang datang daripada luarbandar, kebanyakannya Bumiputra, masih menghadapi berbagai kekurangan kemudahan dan sudah tentu perlu diberi pertimbangan yang saksama dengan cara yang lebih adil dan tidak semata-mata tertumpu kepada pencapaian akademik sahaja.

Kerajaan telahpun meneliti perkara ini dengan mendalamnya dan bagi setakat ini, Kementerian saya tidak bercadang mengubah dasar ini.

BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH RENDAH

26. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada sebarang rancangan di bawah sistem 3M untuk memperkenalkan bahasa Inggeris untuk tiga tahun yang pertama di dalam sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil ke-

rana Bahasa Inggeris adalah suatu bahasa perdagangan yang memainkan suatu peranan yang penting di dalam perdagangan antarabangsa negara kita ini;

- (b) jika tidak, adakah beliau sedar bahawa ramai ibubapa murid-murid di sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil berhasrat anak-anak mereka mempelajari bahasa Inggeris dalam tiga tahun pertama sekolah-sekolah rendah walaupun apa jua ahli-ahli pakar dalam pelajaran mengatakan tentang kebolehan kanak-kanak menyerap tiga bahasa dalam satu masa yang sama; dan
- (c) jika pihak Kementerian memutuskan untuk mengikuti sistem 3M cubaan di mana tiada bahasa Inggeris bagi tiga tahun pertama bagi sekolah-sekolah yang disebutkan itu, bolehkah Kementerian membenarkan sekurang-kurangnya murid-murid yang lebih cerdas untuk mempelajari ketiga-tiga bahasa itu iaitu Bahasa Malaysia, bahasa ibunda dan bahasa Inggeris.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:

- (a) Perakuan 46 (b) Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan menyatakan bahawa "Peringkat bagi bahasa Inggeris mula diajarkan di sekolah-sekolah rendah adalah seperti yang berjalan sekarang". Sistem yang berjalan sekarang ialah bahasa Inggeris diajarkan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) mulai Darjah 3. Selaras dengan itu, di bawah sistem 3M bahasa Inggeris juga diajarkan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan (Tamil) mulai Tahun 3.

- (b) Saya sedar bahawa ibubapa murid sememang mempunyai berbagai-bagai hasrat. Setengahnya mahukan supaya anak mereka diajar bahasa Inggeris pada peringkat yang seawal-awalnya. Setengahnya pula mahukan anak-anak mereka diajar mata-mata pelajaran yang lain. Dalam pada itu ada pula yang tidak mahu anak-anak mereka diajar mata-mata pelajaran tertentu. Dalam hal ini, Kementerian Pelajaran adalah berpegang kepada prinsip yang telah ditetapkan, iaitu sebarang rancangan pelajaran adalah disusun untuk mencapai matlamat-matlamat yang ditetapkan oleh Dasar Pelajaran Kebangsaan, untuk mewujudkan perpaduan dan identiti nasional. Bagi maksud ini Kementerian Pelajaran lebih cenderung mendengar dan menerima pandangan pakar-pakar pendidikan daripada orang-orang yang kurang arif dalam bidang ini.

- (c) Pada dasarnya Kementerian Pelajaran tidak menghalang mana-mana murid mempelajari bahasa, walau berapa bahasa sekalipun. Cuma, dalam sistem pelajaran yang berjalan sekarang, kemudahan mempelajari tiga bahasa serentak, iaitu Bahasa Malaysia, bahasa ibunda dan bahasa Inggeris, hanya diadakan mulai tahun 3 sekolah rendah.

PERMOHONAN PASPORT

27. Tuan Yew Foo Wong minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa untuk permohonan pasport dari warganegara secara "Citizen by Operation of Law" dan mereka menghadapi masalah-masalah dengan pegawai-pegawai Imigresen yang menghendaki mereka memberikan Sijil Kewarganegaraan walaupun

dapat dokumen-dokumen lain yang berkenaan:

- (a) jika sedar, bolehkah arahan-arahan dikeluarkan kepada semua pejabat-pejabat pasport dalam dan di luar negeri supaya mengambil perhatian bahawa dalam kes-kes begini Sijil Kewarganegaraan tidaklah diperlukan;
- (b) jika tidak, bolehkan beliau menyasiat pengaduan ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato Musa Hitam): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut amalan sekarang setiap permohonan mendapatkan Pasport Malaysia oleh seorang warganegara mengikut perjalanan undang-undang adalah dikehendaki mengemukakan dokumen-dokumen berikut:

- (i) kad pengenalan biru
- (ii) sijil beranak

Walau bagaimanapun, sekiranya timbul sebarang keraguan pemohon dikehendaki mengemukakan bukti-bukti lanjut bagi menyokong permohonannya.

Namun begitu perlulah juga ditegaskan di sini tidak semua pemegang kad pengenalan biru merupakan warganegara melalui perjalanan undang-undang. Mereka yang menjadi warganegara tidak melalui perjalanan undang-undang adalah dikehendaki mengemukakan sijil kewarganegaraan.

PERONDA POLIS BERBASIKAL DI KAWASAN PERUMAHAN

28. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, memandangkan kepada kadar jenayah yang meningkat dengan sebegitu hebat di kawasan-kawasan kediaman dan di rancangan-rancangan perumahan yang meluas di merata-rata negara ini adakah beliau akan menimbang untuk memulakan peronda polis ber-

basikal untuk membenters jenayah di kawasan-kawasan perumahan tersebut; di samping itu, pihak polis juga dapat membentuk suatu imej kemesraan dan mewujudkan perhubungan dengan masyarakat.

Dato Musa Hitam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rondaan Polis dengan menggunakan basikal telah dan masih lagi dijalankan di kampung-kampung. Bagi kawasan kediaman dan rancangan perumahan di bandar-bandar di mana kegiatan-kegiatan penjenayah-penjenah lebih "Sophisticated"—iaitu dengan menggunakan kenderaan bermotor—rondaan menggunakan basikal oleh anggota Polis adalah tidak sesuai. Pada masa ini Pasukan Polis membuat rondaan-rondaan dengan menggunakan kereta dan juga motosikal bagi membenters kegiatan-kegiatan jenayah di kawasan-kawasan tersebut. Saya suka juga sebutkan di sini bahawa rondaan ala "CHIPS" telahpun diperkenalkan di empat buah kawasan iaitu di Petaling Jaya, Georgetown, Sungai Petani dan Bentong.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA KEBAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang di tangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya—

Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di

dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Keenam." (13hb Oktober, 1982).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menjemput Yang Berhormat Ahli dari Sandakan untuk meneruskan ucapannya berkenaan dengan Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya suka hendak menyatakan iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat ada 3 hari lagi mulai hari ini untuk membahaskan Usul ini sebelum Yang Berhormat Menteri-menteri menjawab pada 20hb dan 21hb Oktober, 1982. Oleh kerana ramai Ahli-ahli yang hendak berucap dan untuk memberi peluang kepada seberapa ramai yang boleh kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk berucap dan berbahas mengenai Usul ini, maka mulai hari ini, saya meminta tiap-tiap Ahli yang berucap supaya memendekkan ucapannya sedikit dan jika masih ada ramai lagi Ahli-ahli yang hendak berucap, saya akan minta Ahli yang bercakap itu berucap setakat 20 minit maksima. Yang demikian, saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

3.39 ptg.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, as I was saying yesterday, the first step taken by Berjaya in consonance with its politics of blackmail, intimidation, oppression and vengeance was the immediate transfer of three senior officers in Sandakan, namely the Sandakan Municipal Council President, the District Officer and the

Assistant District Officer. Coincidentally, all three were Chinese.

Next, street lights in Sandakan were switched off after 10 p.m., literally plunging the whole town into darkness and the situation remains unchanged till today. As a result, the people dare not venture out at night after 10 p.m. Business has dropped and the crime rate has soared. The people's fears are further compounded by the fact that Sandakan teems with Filipino refugees, many of whom are armed and have no compunction at all in using their firearms at the slightest pretext. The police force in Sandakan is shorthanded and find it difficult to maintain law and order.

In fact, the Inspector-General of Police, Tan Sri Haniff Omar, in June this year, while on a visit to Sandakan admitted that the crime rate was high in Sandakan, and according to him, serious crimes increased from 39 per cent in 1979 over the previous year to 46 per cent in 1980 and 57 per cent last year. And the "Daily Express" in its editorial of June 16 termed Sandakan as "a hotbed of criminal activity".

In a dialogue session held with members of the public, the new Municipal Council President and the Municipal Council Secretary admitted that orders to switch off the lights came from the top. If this is not the politics of blackmail, intimidation, oppression and vengeance, what is?

Water supply to the Sandakan market is often cut off without rhyme or reason. Hawkers and stallholders are harassed unnecessarily, their goods confiscated and rarely returned. This harassment of hawkers and market stallholders are stepped up especially on Sundays and feast days. People get injured in the melee that ensues especially old folks, much inconvenience is caused to members of the public and business suffers.

Another way of 'punishing' the people of Sandakan is by shutting off public standpipes situated in the kampungs and outskirts of Sandakan. And when the people asked why this was being done, the standard reply was "Why must you vote the Opposition?"

As part of its politics of blackmail, intimidation, oppression and vengeance, the Berjaya State Government of Sabah reorganised the JKKKs—Village Security and Development Committee. The JKKKs are now bestowed with more powers. All applications for land, licences, scholarship, loans etc. must be screened by the JKKKs which is made up mainly of Berjaya members and leaders who behave like warlords and take their cue from their party bosses. The Government does not entertain official applications of any kind from individuals unless recommended by the JKKKs.

To substantiate my allegation, allow me, Sir, to refer to a letter sent by the Berjaya—supported Independent candidate for Labuk/Sugut who is now a member of Berjaya Party, dated 23rd August 1982 addressed to all Heads of Departments in Sandakan.

The letter reads:

"Di sini sekali lagi saya mengulangi seruan Kerajaan dengan tugas-tugas Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Seperti yang tuan-tuan sedia maklum bahawa semua permohonan-permohonan daripada rakyat mestilah mendapat sokongan dan perakuan daripada JKKK di mana seorang itu berasal sebelum permohonan berkenaan diberi layanan yang sewajarnya."

"Oleh sebab dasar ini sudah berkuatkuasa, maka diharap para Jabatan-jabatan yang berkenaan dapat memberikan arahan kepada semua kakitangan-kakitangan yang

bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas yang berkaitan."

And the letter ends with the words "Berkhidmat Untuk Berjaya".

This is the first time I have come across a Member of Parliament conveying Government instructions to Heads of Government Departments. I thought it is an established practice the world-over that Government instructions are conveyed by the Government but in Sabah you have a unique situation where a Berjaya-supported Independent MP in keeping with 'democratic tradition' conveys Government instructions to Government Departments and Government servants are exhorted to "Serve Berjaya" and not serve the State and Nation. There is no distinction made between Party and Government and my colleague the Honourable Opposition Leader aptly accused the Sabah State Government of turning upside down the democratic theory.

Another instance of the politics of blackmail, intimidation, oppression and vengeance is the new ruling introduced with regard to the renewal of taxi permits. A reader posed a question to the 'Hotline' of the "Daily Express" on 9.8.1982 as to whether taxi permit holders who wanted to renew their permits had to obtain a letter from Party Berjaya before the permit could be renewed, as according to the complainant, when he went to the Road Vehicles Department, he was told that it was necessary for him to obtain a letter from Berjaya before his permit could be renewed. When the 'Hotline' contacted the Road Transport Chief, he clarified that taxi permit holders must obtain a letter of recommendation from their respective Assemblymen certifying that the applicant was from his area.

Mr. Speaker, a taxi driver in Sandakan who helped an Opposition candidate in the last general elections

went to see his State Assemblyman who also happened to be the State Minister of Natural Resources to obtain a letter of recommendation and the Minister concerned refused to give him a recommendation letter and thus the poor taxi driver was unable to have his permit renewed. If this is not the politics of blackmail and vengeance, what is it?

The presence of Filipino refugees in Sabah poses a grave threat to the security of the State. Filipino refugees are allowed to enter Sabah unhindered and one estimate puts the number of Filipino refugees as over 120,000 which constitute some 12% of the population of the State. The Filipino refugees not only create law and order problems but it would appear they have more rights than our own citizens. These refugees are allowed to put up houses wherever they wish and these 'refugee colonies' are mushrooming all over Sandakan. In fact, these refugees are so brazen enough to name their 'colonies' after Suluk or Filipino names such as Kampung Suluk. These refugees not only build their houses on state land but even on private land. The public are helpless as they fear these Filipino refugees who are very hostile and aggressive and often possess firearms. The District Office and the Municipal Council just close an eye to the goings-on while the people live in fear and trepidation.

What is strange is that the Berjaya State Government does not allow our own people to build houses on State land but turns a blind eye to houses built by Filipino refugees and even illegal Indonesian immigrants on State land. The might of the law is brought to bear on our own people while aliens like the Filipino refugees and illegal Indonesia immigrants are allowed to get away scot-free. It would appear the Berjaya State Government of Sabah cares more for refugees and illegal immigrants than its own people.

Some 29,000 people are now on the dole in Sabah for \$60 a month under the Old Age Assistance Scheme. It has been reported that only a third will actually qualify under the scheme. Under the scheme only those aged 60 years or above who are destitute and whose children cannot maintain them adequately are entitled to the allowance. This Old Age Assistance Scheme has been abused considerably as even parents of State Ministers are now on the dole including, according to newspaper reports, the mother of the Deputy Chief Minister of Sabah. Even parents of millionaires and high-ranking Government officials have registered under the scheme as disclosed by the State Welfare Minister, Toh Puan Rahimah Fuad Stephens on June 11, 1982. Such abuses must stop and an investigation ought to be conducted into the matter.

As for Berjaya Ministers whose parents are on the dole, it must either that they have no filial piety towards their parents, forcing their parents to depend on hands-outs or probably they are guilty of aiding and abetting their parents to commit such abuses.

Corruption is a cancer which eats into the very fabric of nation. In Sabah, it has become a way of life for many. Instance of politicians and civil servants flaunting their ill-gotten gains is a common phenomena in Sabah.

The state of corruption in Sabah is very serious and the Prime Minister in his visit to Sabah last August told reporters that he had stressed to the Sabah State Government that he wants a clean and efficient administration—one without corruption. He also said that he had made his stand clear on land alienation to the Sabah State Cabinet in his two hour meeting with them.

We in the DAP will give our fullest support to any effort aimed at eradicating corruption. In this

connection, I suggest that the Anti-Corruption Agency be strengthened as I understand it is under-staffed especially in Sabah, what with so many "crocodiles" around.

Yesterday, the Member for Labuk-Sugut claiming to represent all the five Independent MPs from Sabah spoke against the appointment of my comrade, the Member for Kota Melaka, as the Opposition Leader. Let me inform the Member for Labuk-Sugut that the appointment of the Opposition Leader is a matter for the Opposition parties represented in Parliament to decide. Independents especially pseudo Independents like him have no business to question the said appointment.

We are aware that the so-called five Independent MPs from Sabah are in fact Berjaya men masquerading as Independents; men put up by Berjaya against USNO candidates standing on Barisan tickets in the recent general election. Where is the discipline the Barisan Nasional prates about when its component party, Berjaya, puts up candidates against the very candidates put up by the Barisan Nasional? The Member for Labuk-Sugut and his four other colleagues are in fact Independents dependent on Berjaya for their fortunes.

The Member for Labuk-Sugut yesterday accused the DAP of using dirty tactics in Sandakan in the recent general election. If at all anyone used dirty tactics in the recent general elections, it was Berjaya with its politics of money, blackmail and intimidation.

The Member also stated that the Opposition Leader was banned from entering Sabah "for his own safety and the security of Sabah". I did not know the Opposition Leader was capable of endangering the security of Sabah but incapable of endangering the security of Peninsular Malaysia where he is allowed free movement. It is not the

security of Sabah that will be endangered by the Opposition Leader but the security of Berjaya. The Member for Labuk-Sugut also said that the Opposition Leader was also banned by the former USNO Government. What is he implying? Is he implying that the Berjaya State Government is no different from the previous USNO Government?

Mr. Speaker, Sabah is probably the only State in the world that bans an Opposition Leader from entering a part of his own country whilst allowing at the same time thousands of Filipino refugees and illegal Indonesian immigrants to freely enter the State. I call on the Acting Prime Minister to take immediate steps to put a stop to this misuse and abuse of immigration powers by the State Chief Minister with the aim of allowing politicians to enter Sabah "on legitimate political activities" as provided for in the Immigration Ordinance 1963.

The "2M" Government has emphasised the need for discipline amongst the people. Unfortunately, this call has not been adhered to by some people in Sabah who not only have no discipline but flaunt their powers and position.

On 26th August, 1982, the Sabah Assistant Minister of Agriculture and Fisheries, Haji Abdul Malik Chua, was reported to have assaulted a lorry driver at the ferry crossing at Sungai Kinabatangan which is part of the Sandakan-Lahad Datu Highway.

The lorry driver, Pang Mah Fah, found his lorry loaded with cement blocked by a land cruiser of the Assistant Minister. When he requested that he be allowed passage, two men who were in the land cruiser got down and threw their shoes at Pang Mah Fah. According to reports, the Assistant Minister ordered the lorry driver to wash the shoes and after this was done, the Assistant Minister slapped the lorry driver and took away

his driving licence. The matter was reported to the police but I have been given to understand the matter has been settled on the following terms:

- (1) That the Assistant Minister insert an apology in two Sandakan local Chinese papers in Kota Kinabalu and the apology be in three languages namely Bahasa Malaysia, English and Chinese;
- (2) That the Assistant Minister be responsible for all legal costs incurred by the lorry driver to a maximum of \$2,500/-;
- (3) The compensation of \$14,000 be paid for damages and loss of income for the period 26.8.1982 — 2.9.1982.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

- (4) In accordance with Chinese Custom in matters of such a nature, the Assistant Minister agreed to pay for a dinner for colleagues of the lorry driver provided that such dinner does not exceed three tables.

I am highlighting this matter as Haji Abdul Malik Chua has clearly abused his powers and position as an Assistant Minister and has wilfully ignored the call for discipline set out by the "2M" Government.

His Majesty in his Address noted that "we cannot neglect the security needs of the nation". The presence of Filipino refugees and illegal Indonesian immigrants in Sabah is a matter of grave concern as it poses a threat to the security of Sabah.

According to the United Nations High Commissioner for Refugees in the South and South East Asian region, Mr R. Sampat Kumar, some 90,000—120,000 Filipino refugees had moved into Sabah since 1972. My own estimate puts it at 20% of Sabah's population, i.e. 200,000 including

illegal Indonesia immigrants. Cases of Filipino refugees arrested for possessing firearms including the 16-M rifles are on the increase. After the recent general election, the police seized a lorry-load of arms near Sandakan. Apart from indulging in criminal activities these refugees also peddle arms and drugs. The Government should view the presence of Filipino refugees and illegal Indonesian immigrants seriously and take appropriate steps to crack down on them. The magnitude of the problem can be imagined if one considers the fact that some 75% of workers of the Sabah Land Development Board are foreigners, i.e. Filipino refugees and illegal Indonesian immigrants. About 60% of the 3,000 workers in wood-based industries are also refugees and illegal immigrants. This trend if not checked and controlled can have dire consequences not only on the security of the State but also the economy.

I call on the Acting Prime Minister to look into this matter and take appropriate action to stop the influx of Filipino refugees and illegal Indonesian immigrants into the country. Thank you.

4.01 ptg.

Tuan Dusuki bin Haji Ahmad (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong usul yang dibawa oleh Wakil dari Balik Pulau mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari Isnin ketika merasmikan Pembukaan Mesyuarat Penggal Pertama Parlimen Keenam.

Ucapan itu pada hemat saya dapat disifatkan sebagai Titah yang merupakan satu hasrat yang sebenar yang mempunyai matlamat ke arah pengukuhan rakyat Malaysia dan ketahanan negara yang tercinta.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik hati kepada seruan Baginda yang menggesa kita mewujudkan suatu usaha pengembelian tenaga antara ulamak dengan umarak dalam suasana musyawarah dan usrah. Seruan ini sesuai dengan suatu Hadith Rasulullah s.a.w. yang bererti dua golongan dalam masyarakat apabila mereka bersikap baik, ertinya bekerjasama maka baiklah umat ku, apabila mereka buruk, ertinya tidak bekerjasama maka buruklah umat ku, mereka ialah ulamak dan umarak. Kedua-dua golongan ini adalah pemegang amanah Allah. Ulamak yang diertikan sebagai ahli bijak pandai dan umarak sebagai pemerintah yang kedua-duanya adalah bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan ummah dan ketahanan rakyat dan negara. Memang tepatlah apa yang dititahkan oleh Baginda pada hari Isnin bahawa pembangunan mengisi periok nasi rakyat tanpa mengisi fikiran dan jiwa mereka bukanlah suatu pembangunan yang lengkap. Titah itu merupakan suatu hikmah yang dapat diertikan pula bahawa tugas pemimpin tanpa tugas ulamak ataupun tugas ulamak tanpa tugas pemimpin tidak mungkin mencapai cita-cita yang diidamkan oleh masyarakat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi malangnya apa yang berlaku sekarang tidak ubah seperti kata perpatah Melayu setangkai tidak sebahu. Secara sedar ataupun tidak ada jurang yang memisahkan di antara ulamak dengan umarak. Umarak atau pemimpin dengan kekuasaan yang ada pada mereka sering dituduh hendak mengenenpi atau menekan para ulamak dan ulamak pula dengan pengaruh mereka yang ada di kalangan pelajar-pelajar, di kalangan belia-belia dan di kalangan penduduk-penduduk luar bandar selalu menyenaraikan kesalahan-kesalahan Kerajaan semata-mata atau sekurang-kurangnya

memandang sinis tanpa memperlihat masalah-masalah yang ada di sekitar pemimpin-pemimpin Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita adalah merupakan sebuah negara yang paling banyak mempunyai agensi-agensi agama. Di setiap negeri sekurang-kurangnya ada dua atau tiga agensi dan hampir di setiap Kementerian ada bahagian ugamanya yang khusus. Kemudian sedikit hari lagi kita akan menubuhkan pula Bank Islam dan Universiti Islam Antarabangsa. Masalahnya sekarang, apakah kita sudah puas hati peranan yang telah dimainkan oleh agensi-agensi tersebut ke arah pengukuhan rakyat, keteguhan dan ketahanan yang kita mahu. Dan sejauh mana pula kita telah memberi tugas dan kepercayaan kepada agensi-agensi yang berkenaan agar mereka secara lebih berkesan berusaha menerapkan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran negara sebagai yang dikehendaki oleh pemimpin kita hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita mempunyai bilangan ulamak yang ramai dan sebilangan besar daripada mereka telah diberi tugas dan diberi kepercayaan di berbagai agensi Kerajaan. Kerajaan mengharapkan daripada mereka supaya mereka dapat memainkan peranan yang berkesan ke arah mencapai matlamat mewujudkan perimbangan rohani dan jasmani rakyat sebagaimana yang dititahkan oleh Seri Paduka pada hari Isnin. Bagi tujuan untuk memberi kesan yang lebih kepada tugas mereka maka kita tidak boleh mengenenpi kelohan suara yang sering kita dengar dari ulamak walaupun jawatan-jawatan kita sediakan kepada mereka tetapi hendaklah kita melihat pula sejauh mana layanan yang kita sudah beri kepada mereka, sama ada dari segi kemudahan asasi, penglibatan kerja, kenaikan pangkat dan sebagainya, apakah sudah sesuai dengan taraf jawatan yang dipegang dan dipertanggungjawabkan kepada

mereka. Boleh dikatakan keseluruhan agensi ugama Kerajaan hingga hari ini selain daripada negeri Kedah, Bahagian Ugama Kementerian Pelajaran dan Bahagian Dakwah dan Ugama Kementerian Penerangan semuanya dipimpin dan dikuasai oleh mereka yang bukan ahli dalam bidang ugama atau bidang-bidang yang boleh menghidupkan nilai-nilai rohani.

Sistem kenaikan pangkat kepada mereka tidak tersusun. Jika seseorang pada awalnya dilantik sebagai Kadi ataupun sebagai Penyelia Ugama atau sebagai pendakwah maka sampai tua dia berjawatan Kadi atau Penyelia ataupun pendakwah sehingga dikenal Kadi tua ataupun pendakwah tua. Apakah tidak boleh disusun suatu sistem kenaikan pangkat pegawai-pegawai ugama ini sebagaimana yang dibuat oleh Kerajaan negeri Kedah misalnya, pegawai-pegawai ugama yang junior dia dilantik sebagai guru kemudian meningkat kepada Nazir, kepada Penyelia Masjid, kepada Naib Kadi dan seterusnya sebagai Yang di-Pertua jabatan itu apabila sudah ternyata ada kebolehan-kebolehan dan kelayakan di kalangan mereka.

Di Kementerian Pelajaran misalnya apakah tidak boleh dilantik di kalangan guru ugama yang berkelulusan dan berkelayakan menjadi guru besar sebagaimana kemudahan-kemudahan yang diberi kepada guru-guru matapelajaran yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, ulamak-ulamak hari ini menyambut baik usaha dan kesungguhan Kerajaan hendak menyerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara. Inilah satu zaman yang paling gembira bagi golongan ugama, golongan ulamak ketika berada di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad. Dalam setiap perhimpunan ataupun setiap perkumpulan, perjumpaan mereka telah melahirkan optimistik mereka terhadap masa depan Islam dan rakyat di negara ini. Tetapi apakah peranan yang patut

diberikan kepada mereka untuk menjayakan hasrat itu dengan lebih berkesan?

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh di Jabatan Perdana Menteri sahaja kita mempunyai tenaga ulamak muda hampir 100 orang, di Kementerian Pelajaran kita mempunyai 715 orang Kategori D1, D2 dan D3. Ini belum termasuk D4, D5 dan D6. Bilangan ini adalah merupakan bilangan yang besar. Ini adalah merupakan satu tenaga ulamak yang luar biasa yang telah dapat diwujudkan oleh negara Malaysia. Tenaga-tenaga ulamak muda yang ada di Jabatan Perdana Menteri, di negeri-negeri dan di agensi-agensi Kerajaan yang lain adalah terdiri daripada orang-orang yang mampu dan bersedia untuk menyampaikan risalah-risalah Islam kepada masyarakat sebagaimana yang diharapkan oleh masyarakat dan negara, tetapi malangnya cara pentadbiran yang ada dan sistem pentadbiran yang ada untuk mereka tidak menggalakkan mereka menghasilkan mutu yang lebih baik dan lebih berkesan kerana mereka tidak didedahkan kepada hal ehwal pentadbiran dan pengurusan yang sepatutnya mereka mengetahui bagi kepentingan pengalaman dan masa depan mereka. Mereka tidak diberi latihan atau kursus pentadbiran sebagaimana yang diberi kepada pegawai-pegawai lain. Mereka juga tidak ada harapan langsung untuk mereka memegang jawatan tinggi yang boleh mengetuai bahagian itu bagi masa-masa yang akan datang. Selain daripada itu, jawatan mereka adalah merupakan jawatan-jawatan yang tertutup.

Sebagaimana yang kita maklum bahawa sistem pentadbiran kita dan pegawai-pegawai pentadbir yang ada adalah merupakan di antara yang terbaik. Apakah tidak mungkin untuk satu masa akan datang pihak Kerajaan bermula dari sekarang memberi latihan pentadbiran secara intensif

kepada ulamak-ulamak muda ini dan mendedahkan mereka kepada permasalahan-permasalahan pentadbiran dan akhirnya menyakinkan mereka bahawa mereka juga akan diberi kesempatan untuk menjadi ketua pengarah ataupun pengarah bagi semua agensi-agensi agama yang ada di negara ini. Kita dedahkan mereka kepada pentadbiran yang baik di negara ini dan berilah kesempatan kepada mereka untuk memimpin jabatan-jabatan atau agensi yang ada hubungan dengan agama. Dengan cara inilah kita dapat merapatkan jurang pemisahan di antara pemimpin dengan ulamak dan dengan cara ini jugalah dapat kita meletakkan mereka di tempat yang berpatutan sesuai dengan suatu Hadis Rasulullah s.a.w. Iza wusidalamruih ghairiahilifi fantazirusa'ah: yang bererti apabila diberi tugas satu-satu perkara kepada orang yang tidak ahlinya maka akan tiba masa kemusnahan secara total.

Tuan Yang di-Pertua, akibat daripada mereka tidak diberi kesempatan melibatkan diri secara langsung dalam bidang-bidang pentadbiran, akibat daripada wujudnya jurang pemisahan antara ulamak dengan pemimpin-pemimpin mereka merasa tidak bertanggungjawab sepenuhnya dalam semua isu agama yang timbul dalam masyarakat, mereka hanya merasai bertanggungjawab dalam unit-unit atau jabatan mereka sahaja. Paling jauh pun tindakan yang diambil hanya menunggu arahan dari ketua-ketua mereka, sementara sebilangan ketuanya pula tidak committed dengan agama dan tidak sensitif terhadap isu-isu serupa itu, tidak tahu untuk memberi pertimbangan yang mana patut disegerakan dan yang mana patut dikemudiankan menurut budibicara sendiri kerana mereka bukan dari golongan agama.

Masyarakat kita telah menghadapi berbagai-bagai isu besar berhubung

dengan agama, seperti peristiwa pemecahan kuil di Kerling pada tahun 1978, tragedi sedih penyerangan Balai Polis di Batu Pahat pada tahun 1979 dan sekarang ini kita menghadapi peristiwa kafir-mengkafir, dua imam dalam satu masjid, pulau-memulau dalam menunai ibadah dan sebagainya. Peristiwa-peristiwa itu menurut hukum Islam tidak boleh bertolak ansur dan setiap ulamak adalah bertanggungjawab sama dan mestilah berusaha menghapuskannya kerana ia boleh dianggap kemungkaran dan fahsyak yang boleh memusnahkan seluruh rakyat dan negara. Tetapi, mengapa sehingga ini tidak ada kata yang muawakat dan bulat di kalangan ulamak?

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada seorangpun ulamak yang senang dengan peristiwa-peristiwa itu, tidak ada seorang ulamakpun yang menganggap bahawa perkara itu tidak menjadi apa masalah kepada masyarakat dan agama, tetapi mereka tidak mengambil sikap yang bulat kerana pimpinan mereka tidak sensitif terhadap perkara-perkara yang seumpama itu, kerana mereka juga tidak mempunyai tempat untuk menyalurkan fikiran dan pendapat-pendapat mereka secara berkesan. Sebilangannya kluatir pula terhadap teguran dan pendapat yang akan diberi itu boleh menjejaskan kewibawaan atau kedudukan jawatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memperluaskan perjawatan golongan agama, di sini saya ingin mencadangkan supaya jawatan-jawatan yang ada hubungan dengan agama dipersatukan di bawah satu kumpulan dan menjadikannya jawatan terbuka untuk memenuhi pelbagai jawatan yang ada hubungan dengan agama di semua Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan Pendedahan ulamak-ulamak ini kepada pen-

tadbiran dan permasalahan semasa di pelbagai Jabatan akan lebih mengukuhkan dan mendewasakan mereka apabila memegang jawatan-jawatan yang lebih tinggi nanti. Seterusnya mereka boleh menjalankan tugas yang lebih berkesan kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan yang ada sekarang ini membawa implikasi yang buruk bagi masa akan datang kerana kita tidak melatih pegawai dan ulamak muda yang ada sekarang ini untuk mengambil tempat jawatan-jawatan yang lebih tinggi dalam pentadbiran agama apabila jawatan-jawatan yang ada sekarang dikosongkan oleh mereka yang bersara atau sebagainya. Sebagai suatu contoh hari inipun kita sudah sulit untuk mencari calon-calon sesuai bagi jawatan mufti apabila mufti-mufti yang ada sekarang ini bersara. Sehingga sekarang sekurang-kurangnya sudah ada tiga buah negeri yang terpaksa menyambung perkhidmatan mufti yang sudah bersara kerana masih belum ada calon mufti yang dapat mengambil tempatnya.

Tuan Yang di-Pertua, ulamak-ulamak hari ini utamanya di kalangan muda sedang menghadapi dilema yang besar, mereka bukan sahaja tidak merasai kemungkinan atau putus harap untuk memegang jawatan yang boleh mengetuai sesuatu agensi dalam negara ini tetapi mereka juga menghadapi masalah adanya golongan atau parti politik yang menamakan dirinya Islam. Parti ini, Tuan Yang di-Pertua, seringkali membawa isu-isu dan hukum-hukum agama dengan mengheret-heretkan ulamak-ulamak dalam usaha mereka untuk menjejaskan pertubuhan umat Islam yang lain. Yang halal diharamkan, yang haram dihalalkan, yang wajib disunatkan, yang harus diwajibkan. Ketika ini ulamak menjadi serba salah, kata-kata dan ucapan ulamak seringkali dihurai, ditafsir dan dipergunakan untuk kepentingan

pergerakan mereka sahaja menyebabkan ulamak menjadi mangsa.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Islam itu sebagai ad-din yang mencukupi soal-soal keduniaan dan soal-soal keakhiratan tetapi sebilangan orang sering salah tafsir. Sebenarnya, konsep ad-din bukanlah menentukan semua kegiatan mesti dilambangkan atau disebutkan istilah Islam. Tetapi yang dimaksudkan dengan ad-din adalah semua kegiatan baik dengan niat yang ikhlas untuk membangunkan rakyat dan negara walaupun tidak disebutkan Islam di dalamnya dan supaya perkara yang seumpama ini tidak berlanjutan dan tugas ulamak dapat dilaksanakan dengan mudah maka adalah amat baik sekiranya mana-mana pertubuhan yang berbentuk parti politik tidak menggunakan nama Islam untuk menamakan pergerakan mereka. Cadangan ini bukan sahaja dapat mengelak dari kekeliruan, anggapan seolah-olah yang tidak terlibat dalam gerakan itu bukan dari golongan Islam tetapi pertubuhan yang menamakan Islam telah banyak menimbulkan perpecahan di kalangan masyarakat.

Di samping itu juga kita dapat memelihara kesucian dan kewibawaan Islam sebagai ad-din yang dimiliki oleh semua umat Islam yang bernama muslim. Acap kali berlaku bahawa pendokong-pendokong dan ahli-ahli sesebuah parti politik yang menamakan dirinya Islam dalam kegiatan dan tindakan mereka untuk melemahkan umat Islam yang lain ataupun untuk melemahkan golongan yang lain mereka mengutamakan pertubuhan daripada Islam itu sendiri dan mereka lebih menjaga kepentingan ahli-ahlinya daripada kepentingan umat Islam sejagat, pengikut-pengikut mereka yang jahil diulamakkan dan ulamak yang tidak menjadi pengikut mereka dijahilkan dan sekali lagi ulamak menjadi mangsa. Sekiranya perkara-perkara yang seumpama ini tidak diselesaikan

maka hasrat dan semangat Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari Isnin itu tidak akan berhasil bahkan akan mengakibatkan kemunduran umat Islam secara total dan dahsyat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Padas.

4.20 ptg.

Datuk Harris bin Mohd. Salleh (Ulu Padas): Tuan Speaker, dalam beberapa kali mesyuarat sidang Parlimen dan baru dua tiga hari ini pihak daripada Parti DAP khasnya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan selalu sahaja membuat tuduhan-tuduhan ke atas Kerajaan Negeri—Kerajaan Berjaya dan juga kepada Kerajaan Pusat, tuduhan-tuduhan yang palsu yang sama sekali tidak berasas. Ini disebabkan oleh pemimpin-pemimpin Parti DAP sudah merasa kemerosotan sokongan penduduk-penduduk atau pengundi-pengundi khasnya di negeri Sabah, tetapi baru-baru ini dalam Pilihanraya Umum hampir-hampir semua calon DAP disapu sama sekali oleh Barisan Nasional sedangkan Pengerusinya daripada Seremban juga telah kalah.

Saya percaya dan yakin jika dibiarkan cara-cara pemimpin DAP berkempen seperti sekarang ini yang mana memecah-belahkan rakyat; cara-cara kempen Parti DAP ialah menghasut rakyat, merosakkan dasar-dasar dan apa-apa juga yang dibuat oleh Kerajaan, baik Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk menyatu padukan rakyat. Misalnya di Sandakan cara-cara mereka berkempen waktu pilihanraya yang lalu adalah menggunakan anak-anak sekolah, mempermainkan dasar Kerajaan untuk melaksanakan 3M atau 3R. Mereka kempen kepada anak-anak sekolah mengatakan: "Ini habislah keturunan Tionghua, habislah bahasa Tionghua di dalam

Malaysia kalau tidak pertahankan". Seterusnya mereka mengatakan 3M itu ialah "Main, Makan dan Minum." Dia terbalikkannya pula. Ini semua seperti saya katakan tadi oleh kerana kemerosotannya dan jangannya mereka fikir sokongan yang diberi oleh orang Sandakan itu sokongan dengan hati yang tulus ikhlas, kerana ketiga-tiga kawasan Negeri dimenangi oleh Barisan Nasional atau Parti Berjaya dalam pilihanraya 1981.

Mereka mendapat sokongan kerana mereka fikir boleh membuat Malaysia ini bukan semacam Malaysia, mereka fikir dapat mereka pecahkan semua apa yang sudah dibuat selama Malaysia sudah merdeka—20 tahun sejak Sabah masuk dalam Malaysia. Inilah tujuan mereka menghasut rakyat dan menghasut pengundi, misalnya kalau di pasar, Kerajaan Negeri atau Majlis Bandaran Sandakan menyusun supaya orang-orang peniaga berlesen supaya penjaja-penjaja mesti bersih dan tersusun, tetapi wakil DAP dari Sandakan menghasut rakyat jangan mengambil lesen, adakan penjajaan di kaki lima, adakan penjualan di jalan-jalan, di padang-padang. Ini ada bukti semua. Beginikah cara-cara mereka? Saya rasa lama kelamaan memang rakyat akan sedar.

Berkenaan dengan tuduhan yang saya sebagai Ketua Menteri menyalahgunakan kuasa, kalau saya betul ada menyalahgunakan kuasa, saya cabar mereka bawa ke mahkamah, kerana di mahkamah kita boleh menyelesaikan semua (*Tepuk*)! Apa yang sebenarnya terjadi adalah wakil dari Kota Melaka yang salah menggunakan kemudahan yang diberi oleh Kerajaan Negeri.

Saya masih ingat lagi pada tahun 1977, Ahli dari Kota Melaka, Lim Kit Siang berjumpa dengan saya. Ini minta maaf, saya sebut nama dia kerana mahu terangkan perkara ini, oleh sebab ia kena mengena dengan

Imigeresen. Dia berjumpa saya, dia kata: "Bolehkah saya ke Sabah supaya boleh menolong melihat apa yang rakyat berkehendakkan, apa yang dapat dibuatnya di Sabah." Saya kata, bolehlah. Jadi pada satu hari kebetulan pula bersama dalam kapal terbang dengan Ahli dari Kota Melaka. Dia duduk di Kelas Ekonomi dan kebetulan saya sebagai Ketua Menteri, saya duduk di First Class dan kerana waktu itu ada tempat First Class kosong, saya panggil dia duduk bersama saya—cerita dua jam sampai ke Kota Kinabalu. Baik, dia kata, dia akan melihat apa yang akan berlaku.

Apabila sudah diberi kemudahan—mula-mula dia ini, Tuan Speaker, Kerajaan Sabah yang terdahulu memang sudah tidak dibenarkan (ban) dia masuk ke Sabah, dilarang masuk ke Sabah. Saya benarkan dengan hati yang tulus ikhlas. Saya kata: silakan, yang mana tuduhan yang betul, tuduhlah. Sampai di Sabah baru dua tiga hari sudah membuat wild allegation di sana sini. Jadi saya adakan perjumpaan dengan pegawai-pegawai dan pemimpin-pemimpin dengan Ahli dari Kota Melaka termasuk pemimpin-pemimpin DAP dua tiga orang di Pejabat saya, macam satu open meeting. Jadi saya cabar Ahli dari Kota Melaka mengenai tuduhan dua tiga itu buktikan sekarang. Kalau tidak buktikan, saya akan kembalikan semula, perintah dia tidak boleh masuk ke Sabah, kerana ini akan merosakkan perpaduan rakyat. Menuduh sebarang, kaum itu jahat, kaum ini tidak betul dan sebagainya, jadi perasaan rakyat dari berbilang kaum sudah menjadi hangat dan kalau dibiarkan, memang akan menjadi pergaduhan. Nanti lama-lama orang mengatakan, ini pergaduhan di antara orang Melayu dengan orang Tionghua. Jadi saya katakan dia tidak boleh buktikan tuduhan-tuduhan itu dia sebenarnya withdraw waktu itu dalam perjumpaan 20-30 orang. Kemudian dia datang ke sini, dia buat statement dia kata dia tidak mengaku.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Datuk Harris bin Mohd. Salleh: Saya tidak beri jalan.

Dia tidak mengakui yang salah itu, kemudian surat khabar di sini.....

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat!

Tuan Sim Kwang Yang: On a point of order.

Datuk Harris bin Mohd. Salleh: Tuan Speaker, saya bercakap minta Ahli itu menurut Standing Orders.

Tuan Sim Kwang Yang: On a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, tadi dia meminta point of order tetapi kenapa dia tukar lagi minta point of order.

Tuan Sim Kwang Yang: Point of order itu minta jalan—sudah ditolak, dan saya memohon sekali lagi untuk point of order.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Sepatutnya, Tuan Yang di-Pertua, ini tidak boleh.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, pada mulanya apabila Yang Berhormat dari Bandar Kuching meminta jalan untuk berucap, Yang Berhormat dari Ulu Padas tidak benarkan. Selepas itu Yang Berhormat dari Bandar Kuching minta lagi sekali atas point of order. Yang Berhormat, sila.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Dengan izin*) Mr. Speaker, there is a case of imputing uncivil motives to the Member for Kota Melaka especially the allegation that while he was in Sabah, he said that one race is good and the other race is no good. I challenge the Chief Minister of Sabah to substantiate his allegation. Thank you.

Datuk Harris bin Mohd. Salleh: Tuan Speaker, apabila diadakan mesyuarat — perjumpaan Wakil dari Kota Melaka dan beberapa orang pemimpin DAP di pejabat saya dihadiri oleh beberapa orang pegawai tinggi dan ahli-ahli politik yang lain kira-kira 30 orang. Ahli dari Kota Melaka tidak boleh membuktikan tuduhan-tuduhan yang liar itu dan seterusnya kalau tidak salah di mesyuarat itu dia withdraw tetapi bila sampai di Semenanjung di sini ada satu suratkhobar, yang headline suratkhobar Tionghua yang mengatakan Kit Siang tunduk pada Harris, kemudian dia adakan Press conference, dia nafikan semua. Jadi dia yang telah melanggar, abused the power and privilege given by the State Government. Jadi untuk keselamatan, itu yang kita pertahankan di sana.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat beri jalan atau tidak?

Datuk Harris bin Mohd. Salleh: Tidak beri jalan, apa fasal saya mahu beri jalan, apa yang point of order! Saya akan buktikan. Kita ada bukti semua.

Tuan Karpal Singh: (*Bangun*)

Datuk Harris bin Mohd. Salleh: Saya tidak beri jalan.

Tuan Karpal Singh: On a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Tuan Karpal Singh: Dia kena beri jalan oleh kerana point of order, do you understand?

Datuk Harris bin Mohd. Salleh: I understand.

Tuan Karpal Singh: Sit down! On a point of order. (*Disampuk*).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, please sit down!

Tuan Karpal Singh: On a point of order!

Timbalan Yang di-Pertua: Please sit down first!

Datuk Harris bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua,.....

Tuan Karpal Singh: You don't harass us here, Harris! (*Disampuk*).

Datuk Harris bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua,.....

Tuan Karpal Singh: On a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, please sit down first!

Tuan Karpal Singh: Saya sebut on a point of order.

Datuk Harris bin Mohd. Salleh: Saya bukan takutlah.....

Tuan Karpal Singh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Tuan Karpal Singh: You can be a dictator in Sabah, but not here.

Datuk Harris bin Mohd. Salleh: Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh: Harris!

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat!

Tuan Karpal Singh: On a point of order, Tuan Speaker!

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, kalau minta order, sebutkan order yang berkenaan, boleh bacakan?

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, 36(5): "Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli lain".

Do you understand that, Harris!

Datuk Harris bin Mohd. Salleh: Bukan.....

Tuan Karpal Singh: Saya mahu keputusan!

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Datuk Harris bin Mohd. Salleh: Saya minta dia withdraw.

Tuan Karpal Singh: Apa Yang Berhormat beritahu tadi, dia imputes improper motives.

Datuk Harris bin Mohd. Salleh: Saya akan ceritakan dan membuktikan.....

Tuan Karpal Singh: Sit down, Harris!

Datuk Harris bin Mohd. Salleh: Saya.....(*Disampuk*).

Timbalan Yang di-Pertua: (Kepada Tuan Karpal Singh) Yang Berhormat, sit down! Yang Berhormat saya sekarang akan memberi warning.

Tuan Alias bin Md. Ali: (Bangun)

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, saya mahu keputusan atas point of order yang saya sebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk, Yang Berhormat!

Tuan Karpal Singh: Bolehkah saya mendapat keputusan?

Timbalan Yang di-Pertua: (Kepada Tuan Karpal Singh) Yang Berhormat, duduk dahulu.

Tuan Karpal Singh: Saya mahu keputusan.

Tuan Mohammad Yahya bin Lampong: Biadap. Duduk. Ikut peraturan.

Tuan Karpal Singh: Saya mahu keputusan Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya minta kerjasama.

Tuan Karpal Singh: Keputusan atas point of order yang saya kemukakan sekarang. Saya mahu keputusan, Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat yang duduk di belakang itu, sila duduk!

Tuan Karpal Singh: Point of order yang saya sebut tadi bolehkah saya dapat keputusan?

Timbalan Yang di-Pertua: (Kepada Tuan Karpal Singh) Yang Berhormat sila duduk dahulu, bolehkah? Itu sahaja (*Tepuk*).

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, saya duduk oleh kerana mahu mendapat keputusan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat daripada Ulu Padas tidak.....

Tuan Karpal Singh: Saya mahu keputusan, itu sahaja, oleh kerana itu saya duduk, bukan oleh kerana paksa.

Datuk Harris bin Mohd. Salleh: Saya akan patuh kepada sebarang keputusan Tuan Yang di-Pertua, jikalau saya salah cakap, melanggar peraturan-peraturan Tuan Speaker boleh berhentikan saya, tetapi tidaklah daripada ahli-ahli DAP yang tidak sabar, tidak mahu menunggu.....

Tuan Karpal Singh: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat!

Tuan Karpal Singh: We want a ruling.

Datuk Harris bin Mohd. Salleh: Jangan takut! Saya cakap dahulu, dengar!

Tuan Karpal Singh: We are not afraid of you here, you can do what you want there, but not here.

Datuk Harris bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, dia menganggu saya bercakap. Jadi, saya mahu menerangkan.....

Tuan Karpal Singh: Apa yang saya mahu keputusan.

Timbalan Yang di-Pertua: (*Kepada Tuan Karpal Singh*) Sila duduk!

Tuan Karpal Singh: Saya duduk.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya sekarang meminta Yang Berhormat daripada Ulu Padas menyambung ucapannya.

Datuk Harris bin Mohd. Salleh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya.....

Tuan Karpal Singh: (*Bangun*)

(**Ahli-ahli Yang Berhormat:**)
Duduk!

Tuan Karpal Singh: Apakah keputusan atas yang saya katakan tadi?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk dahulu.

Tuan Karpal Singh: Selepas dapat keputusan dahulu, selepas itu boleh sambung.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Standing Order 44 (1) saya minta Tuan Yang di-Pertua mempergunakan kuasa Tuan Yang di-Pertua di bawah Fasal 44 (1) terhadap Ahli Yang Berhormat daripada Jelutong.

Tuan Karpal Singh: Saya mahu keputusan, saya tidak takut.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya telah terangkan dengan jelasnya minta Yang Berhormat dari Ulu Padas menyambung ucapan Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh: Tidak beri keputusan atas on a point of order yang saya sebutkan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua: Oleh kerana pada mulanya Yang Berhormat dari Ulu Padas tidak beri kebenaran.....

Tuan Karpal Singh: Bukan beri jalan Tuan Speaker, ini point of order. Tuan Speaker pun tidak faham apa yang.....(*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Tuan Karpal Singh: Jikalau point of order yang saya ada bangkitkan berilah keputusan, saya terima.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat saya tidak ingin menggunakan kuasa saya.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, tidak beri keputusan?

Timbalan Yang di-Pertua: Saya hanya.....

Tuan Karpal Singh: Tolak apa yang saya cakap, saya boleh cakap, boleh sambung, tetapi kena cakap itu — you must give a ruling.

Tuan Alias bin Md. Ali: Saya mohon mencadangkan.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila duduk.

Datuk Harris bin Mohd. Salleh: Tujuan saya hari ini untuk menjawab dan menerangkan yang sebenarnya yang abuse of power bukan State Government, tetapi yang abuse of power ialah Ahli dari Kota Melaka sebagai Lim Kit Siang apabila dia melawat Sabah (*Tepuk*). Jadi, Kerajaan Negeri tidak menyalahgunakan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Karpal Singh: On a point of order mengenai perkara yang saya sebutkan tadi.....

Timbalan Yang di-Pertua: Apa, Yang Berhormat?

Tuan Karpal Singh: 36 (6).

“36 (6) Seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli lain.....” Baru-baru ini saya yang.....

Datuk Harris bin Mohd. Salleh: Saya menjawab terhadap tuduhan-tuduhan, bukan sangkaan jahat.

Tuan Karpal Singh: Saya mahu beri penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila duduk, baik saya beri penjelasan.

Tuan Karpal Singh: Bukan penjelasan.....

Timbalan Yang di-Pertua: (Kepada Tuan Karpal Singh) Sila duduk dahulu.

Datuk Harris bin Mohd. Salleh: Saya menerangkan kenapa.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, pada pendapat saya dalam ucapan Yang Berhormat dari Ulu Padas tidak mengandungi apa-apa perkataan (*Tepuk*) yang boleh dikatakan impute improper motives, seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Karpal Singh: There is nothing to get excited about. Give your ruling.

Timbalan Yang di-Pertua: I am not excited.

Tuan Karpal Singh: What is all this about?

Timbalan Yang di-Pertua: Dalam Dewan ini saya yang beri keputusan bukan Yang Berhormat!

Tuan Karpal Singh: Saya terima tetapi kena beri.....

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta kelakuan yang baik daripada Yang Berhormat. Baik Yang Berhormat dari Ulu Padas sila menyambung ucapan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Yang Berhormat daripada Jelutong telah enggan mengikuti 44 (1), saya bacakan:

“Pengerusi setelah menarik perhatian Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa kepada kelakuan seseorang ahli yang berdegil-degil menyebutkan perkara yang tidak ada kena-mengena dengan perkara mesyuarat atau berulang-ulang menyebutkan hujahnya sendiri atau hujah-hujah ahli lain dalam sesuatu perbahasan boleh memerintahkan ahli itu suruh berhenti bercakap”.

Dan oleh kerana perintah ini tidak diikuti maka saya mencadangkan supaya Ahli Yang Berhormat dari Jelutong dikenakan hukuman di bawah Peraturan 44 (1) iaitu mengeluarkan beliau daripada Majlis ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Saya sokong (*Tepuk*).

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana Yang Berhormat dari Jelutong telah terima keputusan, saya fikir tidak perlu untuk kita menggunakan kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat 44 (1) dan saya mempersilakan Yang Berhormat daripada Ulu Padas menyambung ucapannya (*Tepuk*).

Datuk Harris bin Mohd. Salleh: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kemasukan Ahli dari Kota Melaka ke Sabah apa lagi seorang sepuluhpun kita tidak takut. Ini bukan soal takut. Soalnya keselamatan negara kita, itu hal Kerajaan Negeri. Dan saya sudah terangkan yang abuse

of power bukan Kerajaan Negeri, saya mahu ada rekod di sini kerana Ahli dari Sandakan ada menyebut yang Kerajaan Negeri abuse of power menyalahgunakan kuasa, tetapi yang menyalahgunakan kemudahan-kemudahan adalah Ahli dari Kota Melaka (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, ada tuduhan-tuduhan yang liar dibuat kepada refugees daripada Filipina, pekerja-pekerja daripada Indonesia. Saya suka menyatakan di sini sebenarnya di Sabah sekarang pelarian daripada Filipina barangkali lebih kurang 70,000 orang dan pekerja-pekerja daripada Indonesia sebanyak 60,000 orang. Kedua-dua golongan ini telah diterima baik oleh orang Sabah, berikan dengan dasar Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sabah dengan adanya pekerja-pekerja daripada Filipina dan daripada Indonesia membolehkan negeri Sabah maju, membangun dalam lapangan ekonomi dan sebagainya. Sebenarnya sekarang kalau kita katakan hampir-hampir 90% daripada pekerja-pekerja building industry ialah daripada mereka keturunan atau yang dikatakan refugees dan di ladang-ladang perkebunan pula hampir 90% adalah yang datang daripada Indonesia, mereka seperti juga manusia yang lain dan sebilangan besar adalah patuh kepada peraturan-peraturan atau undang-undang kita yang ada di negeri Sabah berkehendakkan mereka untuk memajukan negeri Sabah dalam pembangunan infrastruktur, ekonomi dan sebagainya. Jadi tuduhan-tuduhan yang dikatakan oleh seorang ahli kelmarin dari DAP yang mengatakan di Sandakan sekarang sudah lebih orang pendatang atau pelarian daripada orang tempatan. Ini semata-mata mengelirukan Dewan ini.

Sebenarnya kalau mengikut census tahun 1970 penduduk-penduduk Sandakan adalah hanya sebanyak lebih 70,000 orang. Census tahun 1980 kalau saya tidak salah adalah sebanyak

113,000 orang. Jadi kalau dikatakan lebih banyak pendatang daripada penduduk ini bererti orang Sandakan tidak ada beranak dalam masa 10 tahun (*Ketawa*), jadi ini semua tuduhan-tuduhan yang liar dibuat. Tuan Speaker, sebenarnya kita di Sabah saya fikir pihak pemimpin-pemimpin DAP tentu khuatir sebab cara-cara mereka berpolitik itu tidak lagi akan masuk kepada rakyat dan saya percaya pada masa pilihanraya akan datang kawasan Sandakan juga akan ditawan oleh Barisan Nasional (*Tepuk*). Saya minta kepada pihak-pihak Pembangkang supaya jikalau membuat tuduhan di Dewan yang mulia ini seharusnya memberi keterangan yang benar-benar, jangan 'mislead the Dewan' seperti saya contohkan penduduk-penduduk Sandakan, banyak lagi perkara-perkara yang dibawa-bawa. Kalau kita mahu butirkan di sini mahu di jawab satu persatu saya fikir membuang masa sahaja kerana saya sudah katakan tadi semua tuduhan-tuduhan dibuat berkenaan dengan negeri Sabah oleh Ahli dari Kota Melaka, Ahli dari Sandakan, kelmarin Ahli DAP dari Kuching adalah semuanya tidak berasas dan adalah dikatakan dalam Bahasa Inggeris 'wild allegations'.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar.

4.43 ptg.

Tuan Oo Gin Sun (Alor Setar): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong Titah Ucapan Diraja yang telah disampaikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di pembukaan Dewan Rakyat ini.

Tadi saya ada nampak semua orang ingat ini Dewan Rakyat, bukan sarkas, tetapi Pembangkang ingat di sini ada sarkas (*Tepuk*). Saya berharap Wakil Rakyat Pembangkang ada satu decorum, di sini bukan zoo.

Pembangking boleh pergi ke Zoo Negara, Ahli-ahli Barisan boleh beri transport free.

Dari Titah Diraja itu kita dapati bahawa kemerosotan ekonomi negara ini telah berterusan oleh sebab pemulihan ekonomi dunia belum pun terbayang dan keseimbangan dari Laporan Ekonomi Bank Negara ialah keadaan ini akan bertambah buruk sebelum ia menjadi baik. Perangkaan-perangkaan perdagangan telah mendedahkan satu tahun lebih oleh pelaksanaan yang buruk mengenai hasil-hasil utama kita akibat harga-harga barangan yang amat penting jatuh tonggang-langgang dan keuntungan dari eksport perindustrian terus kaku.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita semua sedar jangkaan perkembangan bagi tahun ini telah menjadi bertambah buruk sebanyak persembahan Anggaran Belanjawan bagi tahun 1982 pada bulan Oktober tahun sudah. Ramalan perkembangan kena diulangkaji menunjuk ke arah bahawa ia diperturunkan, maka walaupun pihak Perbendaharaan telah menetapkan kadar perkembangan sebanyak 7.2% Bank Negara ialah menetapkan sebanyak 6.5%. Perusahaan dikeluarkan kaum perdagangan atau kaum commercial pada amnya ialah jika negara kita mencapai sebanyak 5% kadar perkembangan pun amatlah menguntungkan memandang kepada ada banyak di antara negara-negara maju yang menetapkan kadar perkembangan kosong. Amatlah mustahak bagi negara kita mewujudkan satu muslihat atau strategi bagi menjamin perkembangan yang sederhana terus-menurus dalam jangka masa pendek dan pada masa yang sama kita adakan satu muslihat atau strategi dengan cara membina infrastruktur ekonomi yang amat penting supaya negara kita bersedia untuk kembali kepada aliran

perkembangan yang tinggi apabila ekonomi dunia pulih semula.

Barangkali kena pada tempatnya jika pada saat-saat yang ekonomi negara sedang merosot bagi pekerja-pekerja yang bertugas di dalam kedua-kedua jenis perkhidmatan, baikpun dengan Kerajaan ataupun dengan swasta membuat penilaian berkenaan dengan pelaksanaan tugas dan daya pengeluaran. Sektor Kerajaan hendaklah meningkatkan kecekapan dan daya pengeluaran mereka manakala di pihak swasta pula patut memodenkan perindustrian mereka supaya mereka dapat mengeluarkan barang-barang yang bermutu lebih baik lagi sebagai mengganti barang-barang yang diimport dan dengan kos yang lebih rendah dan ini lebih baik daripada mengeluarkan barang-barang bermutu rendah sebagai mengganti barang-barang yang diimport dan dengan kadar kos yang tinggi dan perindustrian-perindustrian yang mengeluarkan barangan-barangan untuk dieksport hendaklah memperbaiki daya persaingan supaya dapat meneruskan penjualan-penjualan mereka di dalam pasaran dunia yang sedang mengejut ini. Dalam pada ini adalah perlu bagi rakyat jelata kita membantu Kerajaan di dalam masa kesusahan ini dengan cara melaksanakan rancangan-rancangan atau projek-projek gotong-royong iaitu konsep menolong diri sendiri daripada bergantung kepada Kerajaan sebab sepanjang masa untuk menyediakan rancangan-rancangan atau projek-projek itu. Maka dengan daya usaha berkombinasi di antara Kerajaan dan rakyat jelata adalah kemungkinan bagi negara kita mengatasi kemerosotan buat sementara waktu ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Matang.

4.48 ptg.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid (Matang): Tuan Yang

di-Pertua, saya bangun di dalam Dewan yang mulia ini bagi menyokong di atas ucapan terima kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Keenam pada tanggal 11hb Oktober, 1982.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan yang mulia ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang mana Baginda banyak menyentuh perkara-perkara yang meliputi semua aspek dan juga dalam bidang-bidang yang tertentu bagi menjamin keutuhan dan kestabilan politik di negara ini. Bagi diri saya dan rakan-rakan saya, iaitu dari Wakil-wakil Rakyat khususnya daripada Barisan Nasional yang baru dipilih kami berjanji akan berkhidmat sedaya upaya bagi menunaikan segala amanah yang telah diberi mandat oleh rakyat, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, di sini ingin saya nyatakan beberapa perkara yang menjadi kemuskilan kepada saya sejak kebelakangan ini sehingga dewasa ini yang mana parti Pembangkang khususnya DAP yang mana parti ini selalunya melaung-laungkan konsep 'Malaysian Malaysia' mereka dan sikap pemimpin-pemimpin mereka yang angkuh, sombong, bongkak yang mana tidak mahu langsung menerima konsep atau dasar yang dibuat oleh Kerajaan pada hari ini yang mana Kerajaan yang didokong oleh Barisan Nasional yang mana Kerajaan Barisan Nasional pula yang diberi mandat oleh rakyat yang taat setia yang tidak berbelah bagi kepada negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengapakah mereka ini selalunya melaung-laungkan sikap perkauman mereka terutamanya dalam masalah-masalah bahasa, hak-hak bumiputra dan lain-lain lagi? Tidakkah mereka sedar bahawa tercetusnya 13 Mei, 1969

dahulu adalah disebabkan timbulnya masalah-masalah yang telah dibangkitkan oleh parti-parti Pembangkang dalam perkara-perkara ini? Tuan Yang di-Pertua, mereka ini sudah lupakan kepada sejarah.....

Tuan Hassan bin Haji Mohamed (Rantau Panjang): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, beri jalan atau tidak?

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, harap mengarahkan ucapan kepada Kerusi di sini. Sila duduk dahulu!

(Kepada Y. B. Tuan Mohamed Razlan) Yang Berhormat akan beri jalan untuk mengganggu atau tidak?

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Saya minta jangan diganggu semasa saya berucap. Selepas saya habis, baru boleh ganggu.

Tuan Yang di-Pertua, saya orang baru, saya hendak belajar bercakap—jangan ganggu saya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah pembahagian peruntukan pembangunan yang disalurkan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Perak, negeri saya, yang mana saya dapati kurang memuaskan memandangkan negeri Perak adalah sebuah negeri yang kaya-raya dengan hasil mahsul buminya, hasil bijih timah, getah, kelapa sawit, kelapa kering, balak, koko dan lain-lain lagi. Jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia ini Perak adalah sebuah negeri yang terkaya tetapi mengapa di segi pembahagian peruntukan pembangunannya tidak setimpal dengan hasil kekayaannya jika dibandingkan dengan setengah-setengah negeri yang mana hasilnya kurang memuaskan. Adakah ini satu diskriminasi terhadap negeri Perak?

Begitu juga di dalam masalah perlantikan pak-pak Menteri Kabinet. Tidak ada seorang pun Menteri atau Timbalan Menteri dari negeri Perak khasnya daripada UMNO. Adakah Wakil-wakil Rakyat amnya daripada UMNO khasnya dari negeri Perak tidak layak menjawat jawatan Menteri atau Timbalan Menteri? Saya rasa tentu boleh bahkan menjawat jawatan Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri pun boleh.

Tuan Yang di-Pertua, di sini ingin saya menekankan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad agar memilih jawatan Menteri, Timbalan Menteri ataupun Setiausaha-setiausaha Parlimen yang dipilih daripada kalangan Wakil-wakil Rakyat Parlimen UMNO khasnya daripada negeri Perak apabila diadakan reshuffle Kabinet nanti.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah 'tribute' pula dalam hasil bijih timah dari negeri Perak yang mana Kerajaan Pusat telah berjanji untuk membayar balik kepada Kerajaan Negeri Perak sebanyak 10 peratus tetapi apa yang saya terima laporan daripada Kerajaan Negeri bahawa Kerajaan Pusat memberi balik 'tribute' itu cuma 6 peratus sahaja. Jika sekiranya benar maka dengan itu saya berharap kepada Kerajaan Pusat agar dapat membayarkan balik dengan seberapa segera supaya dapatlah Kerajaan Negeri Perak menggunakan peruntukannya bagi pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada parti-parti Pembangkang khasnya saya tujukan kepada pemimpin-pemimpin mereka seperti Ketua Pembangkang iaitu Wakil Rakyat dari Kota Melaka yang menuduh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional ini melakukan political blackmail terhadap parti-parti Pembangkang dan penyokong-penyokongnya. Ini adalah dusta sama sekali. Sebenarnya merekalah yang

melakukan political blackmail terhadap orang-orang mereka sendiri. Jika tidak mengapakah ramai dari kalangan pemimpin-pemimpin DAP sendiri bercakaran sesama sendiri? Contohnya seperti bekas Wakil Rakyat DAP dari Kepayang dan juga bekas Wakil Rakyat dari Kota Melaka. Ini sudah menjadi satu kenyataan bahawa pemimpin DAP itu adalah seorang yang bersikap sombong, bongkak, bersifat perkauman dan diktator. Mungkin beliau tidak kenal dirinya sendiri. Kalau mengikut segi Agama Islam, seseorang yang tidak mengenali diri sendiri itu adalah orang yang munafik. Tetapi saya percaya beliau ini bukan seorang Islam. Begitu juga pemimpin-pemimpin PAS dan penyokong-penyokongnya yang begitu melampau sehingga berani pula mereka menuduh orang-orang Melayu yang beragama Islam yang menyokong Kerajaan Barisan Nasional itu kafir-walya uzubillah! Ingin saya bertanya kepada pemimpin-pemimpin PAS adakah mana-mana satu ayat yang mengatakan seseorang yang beragama Islam seperti saya ini kafir?

Tuan Hassan bin Haji Mohamed:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua: Beri jalan atau tidak?

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Harap jangan beri dia bercakap lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya mereka, di kawasan saya khasnya sejak pilihanraya yang baru lalu masyarakat di setengah-setengah tempat di kawasan saya telah menjadi kacau bilau. Ini ditimbulkan oleh parti PAS. Mereka telah memecah-belahkan masyarakat sesama Islam sehingga dalam satu kampung kejadian dua iman pun ada sepertimana yang berlaku di Trengganu bahkan apabila seorang Bilal pergi bang di masjid yang didirikan oleh

Kerajaan, mereka menuduh: "Cuba tengok itu, apa yang dilaung-laung dan menjerit-jerit itu"! kata mereka. Beginikah caranya seorang Islam yang mengaku dia Islam, yang hendak menegakkan syiar Islam tetapi apabila kita bang mereka menghina.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan yang mulia ini ingin saya menyentuh dalam masalah bas-bas ekspres pula yakni bas-bas ekspres kepunyaan bumiputra yang diluluskan oleh Kerajaan buat masa ini. Mereka banyak menerima kerugian disebabkan bas-bas ekspres bumiputra diganggu oleh bas-bas persiaran yang mana bas-bas persiaran sanggup mengambil penumpang-penumpang walau di mana-mana sekalipun termasuk juga di perhentian-perhentian bas. Syarikat-syarikat bas ekspres kepunyaan bumiputra mengalami kerugian sejumlah lebih kurang \$20 juta sejak kebelakangan ini. Diharap pihak Kerajaan dapat mengambil perhatian dan tindakan segera dalam masalah ini. Adakah Kerajaan bercadang hendak mengadakan tempat-tempat perhentian yang khas bagi bas-bas persiaran? Juga adakah Kerajaan bercadang supaya saham-saham MARA dijual kepada ASN?

Tuan Yang di-Pertua, sejak 2 hari yang sudah di dalam Dewan yang mulia ini saya dapati wakil-wakil DAP dari Bandar Kuching dan Sibul telah bercakap dalam bahasa Inggeris. Saya faham bahawa bahasa Inggeris boleh digunakan di dalam Dewan yang mulia ini tetapi saya rasa ragu-ragu terhadap mereka dalam masalah kesetiaan mereka kepada negara ini yang mana Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan yang termaktub di dalam Perlembagaan negara ini tidak dipatuhi dan diketepikan.

Adakah mereka ini wakil-wakil penjajah Inggeris ataupun agen-agen mereka. Sepatutnya mereka harus sedar apabila hendak menjadi seorang

calon atau Wakil Rakyat haruslah mereka mempelajari dan mendalami dalam Bahasa Malaysia terlebih dahulu agar jangan nanti dikatakan orang, "Go to hell with your Malaysian Malaysia".

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ASN, di sini saya ingin bercakap dalam masalah bank-bank yang mana apabila seseorang hendak membuat pinjaman (loan) daripada bank-bank untuk disalurkan kepada ASN yang mana faedah-faedahnya telah naik seperti berikut:

Contohnya Bank UMBC (United Malayan Banking Corporation) daripada 8.5% telah naik kepada 12% setahun bermula daripada 1-10-82; Bank Bumiputra pula daripada 9% naik kepada 12.5% bermula daripada 1-8-82; dan satu lagi ialah United Asian Bank bermula daripada 9% naik kepada 12% bermula daripada 1-9-82. Cuma buat masa ini Malayan Banking Bhd. sahaja yang masih 9%. Di sini saya menyeru dan meminta kepada Kerajaan agar menetapkan faedahnya seperti faedah lama iaitu 9% sehingga tahun 1990.

Dalam masalah pelajaran, yakni berkaitan dengan agama, saya minta Kementerian Pelajaran khususnya supaya memperbanyakkan masa bagi mata-pelajaran agama iaitu bermula dari sekolah rendah hingga ke sekolah menengah iaitu sekurang-kurangnya 300 minit seminggu. Selain daripada itu diminta juga agar Kementerian Pelajaran dan juga Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar khususnya KEMAS supaya memperbanyakkan guru-guru Quran yang mana sehingga hari ini saya lihat banyak di antara anak-anak kita yang beragama Islam, apabila membaca Qurannya seperti mualaf, "Bismillahirrahmanirrahim" "ra" dia pergi "wa". Saya minta supaya Kerajaan mengambil tindakan yang tertentu oleh kerana inilah yang

dikatakan dunia hendak akhir zaman yang ayat-ayat Quran dibawa naik ke langit. Sebenarnya kita yang tertinggal. Kita tidak mengambil berat dalam masalah agama dan membaca Al-Quran.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin menyentuh sedikit mengenai Bank Islam. Saya minta Bank Islam ini supaya dapat dipercepatkan perlaksanaannya dan kami berdoa mudah-mudahan perlaksanaannya itu dapat berjalan dengan lancar.

Sekian, setakat ini, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Lambir.

5.04 ptg.

Dr George Chan Hong Nam (Lambir): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyertai lain-lain Ahli Yang Berhormat bagi menyembahkan junjung kasih yang setinggi-tingginya kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Di Raja kepada Parlimen dan negara.

Oleh kerana inilah ucapan sulung saya dalam Dewan yang mulia ini dalam Bahasa Kebangsaan yang saya sedang cuba menguasai, maafkanlah saya sekiranya ucapan saya dirasakan kurang lancar dan berikanlah saya sedikit masa bagi mengatasi kelemahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Di Raja menekankan di antara lain perlunya ditingkatkan lagi perpaduan kebangsaan. Dari semua matlamat kita, matlamat menegakkan satu bangsa yang bersatu ini tidak syak lagi paling penting dan paling asasi. Lain-lain matlamat harus dipusatkan kepada matlamat utama tersebut dan tujuan kemerdekaan kita kerana kalau kita tidak demikian maka masyarakat kita kelak, lambat-launnya, akan menghadapi kehancuran sebagaimana yang telah terbukti di lain-lain negara.

Bagaimanakah seharusnya kita mencapai perpaduan kebangsaan yang mulia dan utama ini? Tokoh-tokoh pemimpin kita terutama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berulang-ulang telah menekankan bahawa cara mencapai perpaduan kebangsaan ialah melalui integrasi kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, integrasi bererti penyatuan pecahan-pecahan yang berasingan ke dalam suatu keseluruhan. Inilah sebabnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita menekankan perlunya negeri-negeri Sabah dan Sarawak diletak sepenuhnya dengan negeri-negeri Semenanjung supaya mereka diberikan layanan yang sama dan tidak dianak tirikan. Demikian jugalah perlunya diintegrasikan perkhidmatan-perkhidmatan awam negeri-negeri ke dalam satu perkhidmatan awam bersatu dan seterusnya.

Walau bagaimanapun, izinkanlah saya menyatakan bahawa jika prinsip integrasi ini mahu berjaya, maka ini haruslah dilaksanakan dalam semua bidang dasar Kerajaan dengan bersungguh-sungguh dan penuh kesedaran. Kalau tidak, jadilah ia intergrasi "setengah masak". Yang demikian, saya berasa berkewajipan menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada satu dasar yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan yang mengecewakan ramai orang kerana kebanyakan berlawanan dengan dasar integrasi yang diisytiharkan sebagai matlamat utama perpaduan kebangsaan kita tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada langkah-langkah menaikkan gred para doktor yang dijalankan baru-baru ini. Sungguhpun integrasi perkhidmatan ini telah dilakukan dalam tahun 1978 dahulu, namun langkah menaikkan gred ini telah dilaksanakan dalam dua peringkat atau jangka masa di Semenanjung dalam tahun 1979 dan di Sabah dan

Sarawak dalam tahun 1980. Ertinya, para doktor di Semenanjung telahpun menikmati faedah kenaikan pangkat ini sedangkan para doktor di Sabah dan Sarawak masih dalam penantian lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa ucapan baru-baru ini terutama oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, soal ketaatan kepada negara dan Kerajaan telah ditekankan dengan wajarnya. Memang baik kita diingatkan selalu bahawa hak kita sebagai rakyat harus dilengkapkan dengan kesetiaan kita yang bulat dan penuh kerelaan memenuhi tugas kita mengabdikan kepada negara dengan penuh kasih dan taat setia.

Berhubung dengan ini, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada nasib malang dan menyedihkan beratus-ratus bahkan beribu-ribu anak Malaysia sejati, anak-anak sah rakyat Malaysia yang darinya kita tidak dapat menutup taat setia dan kepatuhan (walaupun mereka sendiri ingin benar memberikan taat setia dan kepatuhan ini) kerana kita telah menafikan hak kerakyatan kepada mereka semata-mata kerana mereka dilahirkan di hospital di Brunei.

Kenapa mereka dilahirkan di Brunei, Tuan Yang di-Pertua? Kerana pada masa itu ibubapa mereka tinggal di Limbang ataupun di Lawas dan pada masa itu kemudahan lengkap bagi melahirkan anak di hospital hanya ada di Brunei yang berhampiran. Setengah pula kerana ibubapa mereka bekerja di Brunei terutama di Syarikat Shell Brunei. Dua puluh tahun lamanya anak-anak ini memohon kerakyatan Malaysia tetapi jawapan yang mereka terima tetap juga "sedang dalam pertimbangan" ataupun "fail anda sudah hilang", tidak lain dari itu.

Tuan Yang di-Pertua, cita-cita integrasi dan taat setia memang

baik tetapi sama ada ia dapat menjadi kenyataan bergantung terutamanya kepada cara melaksanakannya seperti pernah dikisahkan orang "Nikmat juadah bukan terletak pada warnanya tetapi pada rasanya."

Di Sarawak kami telah mengadakan slogan 'Perkhidmatan Awam yang bertimbang rasa' dan saya mencadangkan supaya slogan ini dijadikan juga slogan Perkhidmatan Awam Persekutuan supaya tektik melambat-lambatkan yang telah menghancurkan hati ramai rakyat Malaysia sejati, sebagaimana orang-orang yang tidak berkerakyatan di Limbang, Lawas dan Miri dapat diganti dengan perkhidmatan awam yang bertimbang rasa, yang jujur dan ikhlas melaksanakan cita-cita integrasi dan taat setia dalam kerja hariannya.

Integrasi dan taat setia bukan hanya kata-kata, Tuan Yang di-Pertua bahkan lebih dari cita-cita. Kedua-dua merupakan intisari atau saripati perpaduan kebangsaan dan perkhidmatan awam yang menginjak-injak dengan sikap dan tektik kebekuan melambat-lambatkan tidak boleh dan tidak akan boleh menjadi perkhidmatan awam yang cekap, bersih dan amanah yang menjadi idaman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, taat setia, kesedaran kebangsaan, kebanggaan bernegara dan kesetiaan kepada negara seharusnya dibina melalui proses dua hala antara Kerajaan dan rakyat. Tentu sahaja kita tidak dapat mengharap rakyat yang ditindas sebagaimana golongan kaum kulit hitam di Afrika Selatan akan memberi kesetiiaannya kepada Kerajaan yang menindasnya.

Tetapi di Malaysia kita boleh bergembira kerana sebahagian besar rakyatnya mempunyai kesetiaan yang mendalam kepada negara dan

Kerajaan. Ini jelas terbukti dalam masa konfrantasi dahulu bahkan setiap kali pilihanraya umum diadakan sejak merdeka lagi. Memang tidak dapat dinafikan adanya segelintir manusia yang dapat diistilahkan tidak taat setia kepada Malaysia tetapi kehadiran mereka itu dengan mudah sahaja ditenggelamkan oleh jumlah terbesar rakyat yang setia dan dengan yang demikian tidak dapatlah ini digunakan sebagai bukti yang menafikan kesetiaan tersebut. Demikianlah menurut hemat saya 16,000 orang yang berhijrah meninggalkan Malaysia tidak dapat dianggap sebagai contengan arang hitam ke atas ketaatsetiaan rakyat Malaysia kepada negaranya. Apalah ertinya 16,000 jika dibandingkan dengan jumlah penduduk yang melebihi 13 juta jiwa. Dan dalam sebuah negara bebas yang mengamalkan demokrasi seperti Malaysia oleh kerana tidak ada undang-undang yang mengharamkan penghijrahan penduduk maka tidaklah boleh penghijrahan tadi dianggap sebagai suatu kesalahan jenayah.

Ada banyak berlaku penghijrahan penduduk di negara-negara di seluruh dunia tetapi tidak pernah dianggap sebagai penghinaan terhadap mereka yang tidak berhijrah. Hanya dalam negara-negara komunis sahajalah yang ada undang-undang mengharamkan penghijrahan dan adanya undang-undang itu adalah dengan sebab kerana tanpa undang-undang yang demikian sudah pasti berjuta-juta rakyatnya yang berhijrah sehingga tinggallah negara-negara komunis tersebut seperti padang pasir Sahara yang tandus. Manusia berhijrah kerana berbagai sebab yang berlainan; kerana mereka fikir tanah di tempat lain itu lebih subur; kerana mereka menganggur di tanahair; bahkan mungkin kerana mereka berkelulusan terlalu tinggi; kerana pendidikan kolonial yang mereka terima merobah daya mereka lalu jadilah mereka manusia yang berpandangan sejagat;

kerana mereka mempunyai sanak saudara di lain-lain negeri ataupun kerana anak-anak mereka tidak diberikan kerakyatan dan seterusnya. Segelintir dari mereka ini mungkin tidak puas hati atas apa yang mereka sebutkan sebagai layanan menindas yang mereka alami di negeri asal mereka dan dengan yang demikian mereka terus membidas negeri asal mereka itu.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara demokrasi haruslah kita hilang kewarasan, pertimbangan oleh bidasan-bidasan tersebut dan menggunakannya pula untuk memarakkan perasaan curiga mencurigai di kalangan rakyat di dalam negeri dari mana datangnya manusia yang celupar itu.

Tuan Yang di-Pertua, demokrasi subur dari adanya kritik-kritik. Sebagai sebuah negara demokrasi kita seharusnya tidak takut kepada kritikan-kritikan walau bagaimana pedas sekali pun. Sudah beberapa kali suratkhobar-suratkhabar menyiarkan berita yang mengatakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri kita mempelawa kritikan-kritikan. Saya harap dan berdoa suratkhobar-suratkhabar tersebut tidak menyiarkan berita yang tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya tegaskan kesetiaan kami di Sarawak kepada Malaysia adalah bulat dan tidak boleh dipersoalkan lagi. Benar, kadang-kadang kami merasa ada ketikanya pihak Kerajaan Pusat kurang mengarifi dengan sepenuhnya masalah yang kami hadapi. Salah satu sebabnya mungkin kerana Menteri-menteri Pusat jarang menjelajah di Sarawak, kecuali ke bandar-bandar seperti Kuching, Sibul dan Miri sahaja. Walau bagaimanapun, kami penuh yakin para-para Menteri Pusat lambat laun akan mencontohi langkah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang

telahpun mencemarkan Duli ke daerah-daerah pendalaman bumi Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, lawatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke Sarawak sungguh berjaya dan tiada ternilai harganya dalam memupuk perpaduan negara. Baginda sungguh luar biasa tarikannya kepada rakyat, sungguh peramah dan mudah mesra dengan segala lapisan rakyat jelata Baginda. Keikhlasan Baginda ternyata benar dalam semua keadaan dan bukan berpura-pura, maka ini telah menimbulkan kasih sayang rakyat kepada Baginda sehingga mereka keluar beramai-ramai dari segenap pelusuk bumi Sarawak untuk menyatakan taat setia dan junjung kasih mereka kepada Baginda dan Malaysia.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, dan sekali lagi saya ingin menyokong usul Menyembah Junjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Diraja.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Rantau Panjang.

5.35 ptg.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed (Rantau Panjang): Tuan Yang di-Pertua, Bismillahirrahmanirahim. Allahumma Rabbisarahlii Sadriwa yaasyirlii amri wahlul uqdatan millisani yafqahu qaulii. Terima kasih saya mendapat peluang untuk turut sama membahas dalam cadangan menyampaikan Junjungan Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Baginda di Dewan ini baharu-baharu ini.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini selepas pilihanraya terdapatnya pihak parti-parti Pembangkang memenangi beberapa kerusi daripada jumlah 154 kerusi dalam Dewan ini termasuklah PAS sebanyak 5 kerusi. Dengan

kemenangan pihak-pihak parti Pembangkang dalam Pilihanraya Kebangsaan baharu-baharu ini dan wujudnya anggota-anggota parti Pembangkang dalam Dewan ini membuktikan bahawa demokrasi dalam negara Malaysia ini wujud dan masih berkembang. Walaupun pihak PAS memenangi hanya 5 kerusi sahaja tetapi PAS dapat mempertahankan rekodnya, kerana dalam tahun 1978 PAS menang 5 kerusi, dalam tahun 1982 PAS menang 5 kerusi juga. Walaupun pihak PAS menerima bermacam-macam tekanan, dihempas dan dipulas oleh pihak Barisan Nasional dalam pilihanraya tetapi kami syukur Alhamdulillah, kami dapat mempertahankan rekod itu. Dan kami berdasarkan kepada sepotong ayat Al-Quran yang bermaksud, 'Lai Syakartum laazi dan nukum wala'in kafartum innaazabi lasyadid. Kalau kamu mensyukuri nikmat yang Allah s.w.t. telah memberikan kepada kamu, maka nikmat itu akan ditambahkan lagi, tetapi kalau engkau memungkir, kufuri nikmat ini maka terimalah azab seksa yang amat pedih daripada Allah s.w.t. Atas asas ini, PAS syukur memenangi 5 kerusi dan dapat berdiri dalam Dewan ini walaupun di antaranya ada anggota-anggotanya yang baharu termasuk saya sendiri. Kita tidak mahu Dewan Rakyat yang mulia ini menjadi satu Dewan robot. Dewan yang hanya mendengar ucapan-ucapan daripada pihak parti pemerintah sahaja dengan tidak pun menghormati ataupun mendengar hujah-hujah dan pendapat-pendapat daripada pihak parti Pembangkang. Walaupun dalam Dewan ini, pihak saya sebagai seorang daripada anggota parti Pembangkang tetapi saya tidak berserta dengan setengah-setengah sikap pihak Pembangkang yang saya rasa tidak sesuai dengan saya (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, dalam pilihanraya yang lepas pihak Parti Islam Se-Malaysia terutama sekali di

Kelantan, PAS telah mendapat jumlah undi kalau dibandingkan dengan undi yang didapati oleh pihak Barisan Nasional hanya berbeza antara 5 dengan 6% sahaja walaupun parti PAS menang hanya 10 kerusi dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan dan 4 kerusi Parlimen di negeri Kelantan daripada jumlah 12 kerusi. Dengan kemenangan ini sudah membuktikan bahawa hampir separuh daripada jumlah pengundi-pengundi dalam negeri Kelantan adalah terdiri daripada penyokong-penyokong Parti Islam Se-Malaysia ataupun PAS. Tetapi malangnya, dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ada menyatakan hasratnya yang begitu tinggi yang mengemukakan satu ibarat kata-kata ungkapan yang begitu indah iaitulah, 'hati kuman sama dicecah, hati gajah sama dilapah'. Ini membuktikan hasrat daripada pihak Kerajaan Pusat yang ingin hendak memberi nikmat kehidupan kepada seluruh rakyat tidak kira rakyat itu daripada penyokong-penyokongnya ataupun daripada pihak yang menyokong Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat bersama pendapat dengan seorang Yang Berhormat dari Sabah yang bukan daripada pihak Pembangkang tetapi duduk di barisan group Pembangkang yang telah membela sikap Kerajaan Sabah membuang dan menyingkirkan orang-orang yang menentang ataupun pegawai-pegawai Kerajaan yang menentang Kerajaan Berjaya di Sabah. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, kalau diizinkan oleh Allah s.w.t. PAS dapat memerintah di Malaysia ini dan menjalankan polisi seperti Kerajaan Barisan Nasional di Sabah maka Kerajaan PAS yang memerintah di pusat itu akan hancur-lebur pentadbirannya sebab kebanyakan pegawai-pegawai tadbir dalam Kerajaan Malaysia ini terdiri daripada penyokong-penyokong

Barisan Nasional. Kami minta daripada pihak parti pemerintah jangan menjalankan gerakan balas dendam kepada rakyat. Kita menepuk dada, mengagung-agungkan kepada dunia seluruhnya bahawa Malaysia mempunyai sistem demokrasi yang hebat, yang agung tetapi bila kita menghadapi kenyataan ke dalam maka kita melakukan penindasan atau penganiayaan kepada rakyat kita sendiri yang harus kita bela.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya dukacita bagaimana caranya pihak Barisan menganiaya kepada rakyat terutama sekali, katakanlah di dalam negeri Kelantan, bila sampai tempoh pembahagian subsidi ataupun bantuan Kerajaan kepada rakyat maka hanya penyokong-penyokong daripada Barisan Nasional sahaja yang banyak mendapat bantuan itu. Contohnya bantuan kemarau. Ada tanah yang dipunyai oleh orang UMNO yang bertahun-tahun tidak diusahakan tanah padi itu, di sebelahnya ada tanah orang PAS, setiap tahun diusahakan tanah itu tetapi bila datang bantuan kemarau tiba-tiba orang UMNO yang tidak melakukan usaha menanam padi itu yang mendapat bantuan; orang PAS yang berusaha setiap tahun itu tidak mendapat sesuatu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini kita tidak boleh hendak membodohkan rakyat. Kita menyatakan bahawa PAS memecahbelahkan rakyat tetapi kita tidak mengusahakan mencari punca yang berlaku kenapa yang berlaku seperti itu. PAS mula-mula ditendang keluar daripada pihak Barisan Nasional, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional berkata dengan tidak ada PAS dalam Barisan Nasional maka rakyat tidak akan berpecah. Tetapi sekarang pihak Barisan Nasional mengakui perpecahan sudah berlaku. Bila perpecahan sudah berlaku maka diburukkan kepada PAS, tetapi tidak kepada pihak Barisan Nasional sendiri. Ini kemungkinan kesilapan

kita sama ada daripada pihak Barisan Nasional ataupun kita daripada pihak pemimpin kita sendiri yang kita lebih banyak mendidik rakyat supaya hanya menyokong kita sahaja tetapi kita tidak mendidik rakyat supaya mencintai antara satu sama lain, menghormati antara satu sama lain. Tengok dalam Dewan ini sahaja Tuan Yang di-Pertua, wakil-wakil yang berucap bila sampai kepada pihak Pembangkang dilonggoknya segala kesalahan, bila sampai kepada pihak PAS dituduh PAS sebagai racun ataupun benih yang memecahkan perpaduan rakyat di kampung.

(Tuan Yang di-Pertua *memperergusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, dalam suasana rakyat sedang bertakbir pada Hari Raya Aidil Adha baru-baru ini pihak TV Malaysia sampai lima kali menyiarkan sandiwara dalam TVnya tentang sembahyang dua imam. Sembahyang itu berlaku waktu bulan Ramadhan, sudah beberapa bulan yang lampau. Apakah maksud yang dilakukan seperti ini? Dalam suasana takbir dan tahmid bergema di masjid-masjid, dalam TV Malaysia menyiarkan gambar-gambar yang seperti itu. Bukan sekali, bukan dua kali, Tuan Yang di-Pertua. Ini seolah-olahnya pihak parti pemerintah menggalakkan dan menimbulkan lagi rasa sakit hati kepada segolongan rakyat kerana ini semata-mata diadadakan. Kalaulah benar perkara ini berlaku kenapa tidak diambil tindakan yang tegas, kenapa pihak parti pemerintah takut hendak menjalankan tindakan kalau benar perkara itu berlaku.

Pada hakikatnya seperti di Kelantan PAS memerintah 18 tahun, Tuan Yang di-Pertua, tidak pernah berlaku pun perkara yang seperti ini. Tetapi apa yang berlaku di negeri Trengganu yang malangnya wakil PAS daripada Trengganu tidak ada pula untuk mempertahankan kedudukan-

nya dalam Dewan ini, tetapi sebagai pihak parti PAS saya memberitahu kepada Tuan Yang di-Pertua bahawa gerakan kempen memburuk-burukkan PAS itu insya-Allah tidak akan berhasil, pihak Barisan akan mengalami kekecewaan yang tenat kerana PAS tetap akan berkuib di Kelantan, di Trengganu dan di Kedah insya Allah (*Ketawa*).

Satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya Rantau Panjang. Satu jalan lorong tar dibuat dan dibina oleh pihak Kerajaan Barisan Nasional sejauh lebihkurang 1½ batu di kawasan Tasek Hilir namanya, tetapi jalan tar itu semata-mata dibuat daripada kepala jalan terus sehingga sampai ke rumah penghulu yang menyokong Barisan Nasional. Setakat itu berhenti (*Ketawa*) sedangkan sebuah kampung yang lebih besar yang merupakan kampung penyokong-penyokong PAS dibiarkan begitu, tanah merah sahaja jalannya. Ini menyebabkan rakyat bukan menambahkan suka kepada pihak Barisan Nasional, malah menambahkan benci kepada pihak Barisan Nasional. Kalau dia sekali benci sebelum daripada pilihanraya, sesudah dilakukan pembangunan yang seperti itu makin bertambah dua kali benci lagi. Walau-kun tafadzan ghali izal qalbi lan faddhu min haulik; kalau kau kasar dan keras hati, firman Tuhan kepada Rasulullah s.a.w., lan faddhu min haulik; nescaya orang akan lari daripada kau. Jadi, sekarang masalah yang harus dilakukan ialah, kita hendaklah berusaha memenangi 'heart and mind' rakyat, bukan hendak menimbulkan rasa benci, marah rakyat terhadap pihak Barisan Nasional.

Dengan sebab itu, pihak Parti PAS walau bagaimanapun yang dilakukan oleh pihak parti pemerintah terhadap rakyat dengan cara menganaktirikan penyokong-penyokong pihak Pembangkang terutama PAS, maka pihak Parti PAS akan terus dengan

tidak berganjak akan membela nasib rakyat yang ditindas ataupun dianaktirikan oleh pihak Barisan Nasional.

Tentang kesihatan, Tuan Yang di-Pertua, pernah berlaku seorang daripada sahabat saya dirawat di Hospital Besar Kota Bharu, terpaksa menunggu beberapa bulan sebelum dibedah (operation) kerana tidak cukup tabung darah. Saya minta supaya pihak Kementerian yang berkenaan menumpukan perhatiannya tentang kedudukan kesihatan rakyat terutama sekali di sebelah Pantai Timur yang boleh dikatakan jauh ketinggalan kalau hendak dibandingkan di sebelah Pantai Barat.

Apa yang dirintihkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat sekejap tadi tentang golongan ulamak dan umarak, ini membuktikan dengan jelas bahawa Kerajaan 2M yang kononnya hendak menerapkan Undang-undang Islam itu sebenarnya dalam tahap yang masih mengecewakan lagi. Dan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat juga cuba dalam Dewan yang mulia ini membuat satu usul yang tersembunyi iaitu meminta-mungkin kita sudah dengar lama sebelum daripada Dewan ini bersidang di dalam masa pilihanraya yang lalu desakan supaya Parti PAS ini diharamkan daripada menggunakan nama Islam. Kami bagi pihak Parti Islam Se-Malaysia tidak begitu gundah, tidak begitu risah kalau pihak Barisan Nasional yang sudah memenangi begitu besar jumlah wakilnya dalam Dewan ini merasa takut dengan Parti Islam sehingga terpaksa hendak mengharamkan nama Islam yang digunakan oleh Parti Islam ini. Pihak Parti Islam tidak takut, kerana pihak Parti Islam Se-Malaysia telah dapat menanamkan dalam jiwa rakyat terutama penyokong-penyokongnya konsep yang diperjuangkan oleh parti Islam Se-Malaysia. Kita berjuang bukan kita

hendak mencari sesuatu yang berbentuk kebendaan, tetapi apa yang kita cari ialah 'mardhatillah' iaitu keredhaan daripada Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Ini yang kita cari. Cara kita, inilah caranya. Cara orang lain, itu cara orang lain. Dan kita yakin atas cara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyesali sekali di atas kenyataan seorang Ahli Yang Berhormat dari Perak yang dengan lantang dalam Majlis ini menyatakan PAS mengkafirkan orang terutama sekali orang-orang Islam, katanya. Bagaimanakah Parti PAS hendak mengkafirkan seseorang Islam sedangkan hukum mengkafirkan itu, sesiapa yang mengkafirkan seseorang Islam yang terang-terang dia Islam, hukumnya kembali kepada orang yang mengkafirkan itu. PAS tidak pernah mengkafirkan orang-orang Islam tetapi apa yang dibuat itu hanya merupakan satu fitnah yang dilakukan asalnya oleh pihak orang UMNO sendiri.

Dalam Majlis yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat itu beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Beri jalan?

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana sahabat saya daripada Perak juga mengatakan dia orang baru, tak mahu memberi jalan, maka rasa saya eloklah saya tak memberi jalan kepada orang yang sudah berpengalaman dalam Dewan ini.

Ini dalam masalah hukum, jangan kita mempermain-mainkan masalah ini. Kalau benar ada timbulnya hal yang seperti ini kenapakah pihak Jabatan Agama Islam di tiap-tiap negeri yang mempunyai kuasa penuh tentang agama tidak mengambil sebarang tindakan, sebaliknya orang-orang politik yang bercakap, bukan

ahli agama. Kerana masalah kafir-mengkafir ini ialah masalah hukum, carilah punca hukum. Kalau dicari dari punca hukum terang berbunyi: Ar-ridha bil kufri-kufrun. Sesiapa sahaja orang Islam yang redha, yang sukarela menerima kekufuran maka orang itu kufur. Ini hukumnya. Jadi kalau dalam masalah ini setiap ahli politik hendak bercakap tentang hukum, maka saya rasa tidaklah wajar dan tidak kena pada tempatnya.

Tuan Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan, apakah Yang Berhormat yang berkenaan bermaksud tentang Ar-ridha bil kufri-kufrun itu seolah-olah kami daripada Barisan Nasional ini meredhakan tentang kekufuran yang ada pada orang-orang yang kufur?

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bermaksud seperti itu. Apa yang saya maksudkan, saya memberikan penjelasan bahawa masalah ini ialah masalah hukum, sesiapa sahaja-saya tidak kira siapa sahaja sama ada anggota Dewan ini ataupun di luar daripada Dewan; dia orang Islam tetapi dia redha dengan kekufuran, maka orang itu jatuh kufur. Ini hukum. Saya tidak menentukan kepada sesiapa, sebab itu kita serahkan masalah hukum ini kepada orang yang berkenaan. Kenapakah kita diseret, ahli-ahli politik berbicara masalah ini. Parti Islam Se-Malaysia....

Tuan Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta beri jalan sekali lagi. Apakah Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang bermaksud bahawa pihak Barisan Nasional tidak pernah meredhakan masalah yang disebut 'Ar-ridha bil kufri-kufrun' itu?

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menuduh pihak Barisan Nasional Ar-ridha bil kufri-kufrun, itu terserah

kepada pihak Barisan Nasional sendiri. Saya tidak menuduh dan membuat sesuatu tohmah yang melulu dalam hal ini. Cuma saya hendak menegaskan dalam Dewan ini masalah hukum kita serahkan kepada ahli hukum. Tadi pun Ahli Yang Berhormat dari Tumpat mengeluarkan satu hadis: Idza wusid al amru ila-ghairi ahlihi fantazirissaah. Kalau kita letakkan sesuatu tugas kepada orang yang bukan ahlinya maka akan rosaklah tugas itu. Seorang tukang kasut kita tugaskan membuat kerja tukang rumah, maka akan rosaklah rumah itu kerana dia bukan ahlinya. Jadi dengan sebab itu, itu maksud saya, Tuan Yang di-Pertua. Masalah hukum ini kita serahkan kepada ahli hukum, jangan kita ahli politik masuk campur dalam hal ini. Bila kita masuk campur maka setiap ucapan ahli politik terutama sekali mengenai Islam, kalau pihak ahli politik itu tidak mempunyai sedikitpun asas tentang Islam maka akan huru-haralah sikap dan pendiriannya. Yang ini selalu menimbulkan kekeliruan kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Majlis yang mulia ini, saya minta kepada pihak Barisan Nasional terutama penyokong-penyokongnya menyedari bahawa dalam era Kerajaan 2M ini sudah terbayang kepada pihak kita Parti Islam Se-Malaysia, fajar yang sedang menyingsing, iaitulah minat, keinginan yang selama ini tidak terdapat sedikitpun di dalam pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional yang terdahulu yang cuba hendak menerapkan perundangan Islam dalam negara ini.

Kita pihak Parti Islam Se-Malaysia menunggu-nunggu fajar itu, bilakah akan menyingsingnya sang matahari. Dan kita tahu kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh pihak parti pemerintah, oleh Kerajaan yang memerintah yang terdiri dari bermacam-macam golongan di dalamnya tetapi hasrat yang telah ditimbulkan oleh Kerajaan

2M ini, maka pihak Parti Islam Se-Malaysia sedang memerhati dengan teliti. Kita tidak mahu Parti Islam Se-Malaysia tidak mahu Islam itu ditegakkan hanya syiar semata-mata, kita tidak mahu menegakkan hanya masjid yang besar begitu indah, tetapi manusia yang beribadat di dalamnya kosong dan tidak ada, kita tidak mahu Kerajaan Barisan Nasional hanya meninggikan syiar Islam sahaja, tetapi syariat Islam tidak dijalankan, ini matlamat kita. Antara syiar dan syariat ini berbezaan begitu jauh.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kerana diberi peluang sebagai kali pertama saya bercakap dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Jasin.

5.52 ptg.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba (Jasin): Tuan Yang di-Pertua, sambil menyokong Usul mengucapkan Terima Kasih kepada Titah Di Raja saya suka menyebut dengan ringkas beberapa perkara yang saya fikir perlu.

Sebentar tadi saya mendengar ucapan wakil daripada Rantau Panjang. Beliau mengatakan apabila diberikan bantuan kepada rakyat Kelantan Barisan Nasional yang banyak dapat. Perkataan ini bererti orang-orang PAS pun ada dapat, tentang soal banyak sedikitnya itu terpujanglah kepada istilah yang digunakan oleh wakil tersebut mendapat angka-angka untuk menentukan siapa banyak dapat dan siapa yang sedikit.

Tujuan dikeluarkan gambar-gambar sembahyang dua kali di Trengganu oleh TV ialah dengan tujuan hendak menjelaskan kepada rakyat bahawa perkara sembahyang Jumaat dua kali sebenar-benarnya wujud dan bukannya satu bluffing, atau satu

propaganda kosong semata-mata. Sama ada gambar itu diambil lama dahulu atau kemudian adalah satu masalah yang tidak ada kena-mengena dengan tuduhan tersebut. Memang betul orang PAS tidak mengkafirkan orang Islam, tetapi ianya mengkafirkan orang UMNO yang juga orang Islam (*Tepuk*). Sungguh pandai wakil PAS bermain dengan perkataan-perkataan untuk mengelirukan orang ramai. Beliau juga berharap supaya Undang-undang Islam dilaksanakan dalam tanahair kita. Apakah yang PAS telah buat selama empat tahun berada dalam Barisan Nasional? Apakah Dato Asri telah kemukakan dalam Kabinet? Saya seorang bekas Ahli Kabinet dan tidak ada usul-usul pembangunan Islam. Mereka hanya pandai bersorak-sorak sahaja menyebut kalimah Islam. (*Tepuk*).

Islam adalah satu agama yang luas untuk memandu rakyat supaya hidup sempurna, maka kita sentiasa berpandukan kepada ajaran-ajaran Islam itu. Tentulah perkara-perkara yang dilakukan oleh Nabi Muhammad s.a.w. atau pengikut-pengikut di zaman dahulu kala itu tidak dapat kita hendak ikut dengan sepenuhnya, setengah-setengahnya disesuaikan dengan keadaan, tetapi tujuannya tidak lari. Saya ambil satu contoh misalnya pembahagian tanah, pembahagian tanah di tanahair kita terpaksa diukur tanah itu, diadakan batu sempadan, dikeluarkan title supaya tidak berlaku pergaduhan di antara seorang pemilik dengan seorang pemilik yang lain. Saya tidak percaya perkara seperti ini ada dibuat di zaman dahulu kala, saya tidak percaya ada jurukur atau membuat batu sempadan, mengadakan title yang bertulis.....

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jasin, Yang Berhormat ini minta jalan.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Boleh!

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa adalah hasil daripada pihak parti PAS masuk ke dalam Barisan Nasional tempoh harilah yang menyebabkan adanya semangat dan hasrat Kerajaan 2M sekarang yang hendak menerapkan Undang-undang Islam dalam negara ini.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Saya tidak suka jawab kerana tidak ada makna menjawab perkara yang dikeluarkan oleh wakil dari Rantau Panjang.

Saya membuat perbandingan tadi pada zaman dahulu kala terutama sekali di negeri Arab yang tanahnya terlalu luas, penduduknya terlalu sedikit, siapa-siapa pun boleh memiliki tanah dengan mudah tidak payah diukur, tidak payah pakai batu sempadan, tidak ada title dan kalau sekiranya kita hendak ikut cara macam itu pada hari ini, di tanahair kita tentulah berperang rakyat dengan rakyat kerana masing-masing berebutkan tanah. Tujuan Nabi Muhammad s.a.w. membahagikan tanah kepada rakyat supaya tanah itu digunakan memberi faedah kepada rakyat adalah sama dengan tujuan kita. Maka sekarangpun Barisan Nasional mengeluarkan tanah untuk memberi faedah rakyat, itu dasar Islam yang diikuti oleh Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak bercakap lebih panjang berkenaan dengan parti PAS itu. Kalau sekiranya parti ini disokong oleh rakyat dan diredai oleh Allah s.w.t. masakan ia jatuh setelah 19 tahun memerintah negeri Kelantan (*Tepuk*).

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, satu rencana dalam salah sebuah akhbar mingguan ada menyebutkan Dato' Abdul Manan, Menteri Pertanian sebagai berkata kepada wakil petani-petani dari Bagan Datoh bahawa pasaran kelapa dan koko juga adalah gelap, perusahaan kelapa dan koko tidak mempunyai harapan langsung di masa hadapan dan seterusnya beliau mengesyorkan supaya para penanam menebang pokok-pokok kelapa dan koko mereka dan diganti dengan lain-lain jenis tanaman. Dalam satu perjumpaan lain dengan wakil-wakil dari Lembaga Pertubuhan Peladang Runkop, beliau mengesahkan sebagai berkata 10 tahun akan datang industri kelapa dan koko akan terus gelap. Pada saya kenyataan ini amatlah serius sekali jika benar seperti yang dilaporkan. Mungkin ada kebenarannya bahawa pasaran bagi kelapa biasa akan merosot, tetapi bagaimana dengan pasaran koko? Kerajaan menggalakkan pembukaan ladang-ladang koko dan yang paling banyak sekali ialah di Sabah, beribu-ribu ekar tanah sedang ditanam dengan koko pada hari ini, jika benar pasaran koko yang akan datang gelap sebagai yang disebutkan oleh Menteri Pertanian maka Kerajaan hendaklah memberitahu rakyat dengan jelas supaya rakyat tidak menanggung kerugian yang sekarang sedang menanam koko secara besar-besaran dengan menggunakan wang yang sangat banyak.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian saya suka menyentuh sedikit hal politik luar negeri. 10 tahun lagi jika tentera Vietnam masih berada di Kampuchea nampaknya haruslah negara Kampuchea akan lenyap daripada peta dunia dan menjadi sebahagian daripada negara Vietnam. Langkah Vietnam menghantar tentera ke Kampuchea dengan tujuan untuk menghalang Kominis China menaklukkan negara itu tidak boleh

dijadikan alasan. Tuntutan Vietnam supaya negara China mengadakan satu treaty tidak menyerang Kampuchea sebagai syarat untuk berundur adalah satu alasan yang mana Vietnam sendiri mengetahui sesuatu yang tidak akan terlaksana. Syarat ini sengaja diadakan sebagai satu dalih untuk menghalalkan penempatan tenteranya di Kampuchea. Jika benar Kampuchea menjadi jajahan takluk Vietnam sudah pasti peristiwa itu akan menjadi ancaman kepada negara di rantau ini. Usaha negara-negara ASEAN mendesak supaya askar Vietnam berundur dari Kampuchea mesti diteruskan sehingga berjaya. Walau bagaimanapun, saya suka mengingatkan segala langkah ASEAN dalam perkara ini hendaklah mendapat sokongan daripada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu supaya jangan sampai Vietnam dapat menimbulkan satu helah untuk memusuhi negara-negara ASEAN. Sikap membisu kuasa-kuasa besar dalam soal Kampuchea amatlah kita kesali. Adalah ternyata sekali sekarang ini bahawa kuasa-kuasa besar hanya memperhitungkan kepentingan diri masing-masing dengan tidak menghiraukan nasib negara-negara kecil.

Walaupun Malaysia sebuah negara aman dan kita berkeyakinan dapat mempertahankan kemerdekaan dan mengamalkan dasar demokrasi berparlimen tetapi kita perlu juga mengambil langkah berjaga-jaga. Apakah tidak Kerajaan akan menimbang kembali bagi mengadakan perkhidmatan negara (National Service). Memang benar perbelanjaan mengadakan National Service adalah besar tetapi ianya mustahak sebagai langkah berjaga-jaga untuk mempertahankan negara. Rakyat perlu diberikan kesedaran dan keinsafan serta maklumat tentang kegelisahan politik yang berlaku di sekeliling negara kita. Semangat ingin berkorban sekalipun nyawa untuk mempertahankan kemerdekaan dan

demokrasi berparlimen mestilah sentiasa dipupuk di kalangan rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh dengan ringkas ekonomi bumiputra. PNB (Permodalan Nasional Berhad) patut meninjau semula strateginya dalam usaha membantu ekonomi bumiputra. Setakat ini PNB hanya berusaha menjual saham yang dipegangnya kepada bumiputra melalui Skim Amanah Saham Nasionalnya sahaja. Penjualan saham seperti ini sahaja pada hemat saya tidak mencukupi. PNB dengan modalnya yang banyak itu perlu mengadakan skim untuk membantu peniaga-peniaga bumiputra. MARA bolehlah ditugaskan untuk membantu peniaga-peniaga kecil. Bantuan yang dikehendaki daripada PNB ialah terhadap peniaga-peniaga bumiputra pertengahan ataupun sederhana yang baru muncul. Mungkin juga ada baiknya jika PNB dapat menyerahkan sebahagian daripada syarikat-syarikat yang dimilikinya kepada syarikat-syarikat bumiputra. Sama ada penyerahan satu-satu syarikat itu atas kesemua sekali hakmiliknya ataupun sebahagian daripadanya perkara ini saya anggap penting kerana ini akan memberikan peluang kepada bumiputra berlatih berdiri di atas kaki sendiri menimba pengalaman di dunia perniagaan dan perniagaan itu boleh dikembangkan dengan kepintaran mereka masing-masing. Langkah ini saya anggap sebagai satu usaha untuk membanyakkan bilangan usahawan-usahawan bumiputra. Biarlah usahawan-usahawan bumiputra mengalami jatuh dan bangun. Jatuh dan bangun adalah menjadi modal besar bagi usahawan yang bersungguh-sungguh hendak memajukan diri masing-masing sebaliknya dengan bantuan PNB soal jatuh mungkin tidak timbul.

Pada satu ketiga dahulu ada ura-ura untuk menubuhkan Stock Exchange

Bumiputra. Pada hemat saya cadangan itu tidak boleh dipakai kerana tidak praktikel. Pertimbangan patut dibuat sama ada PNB patut didaftarkan di dalam Stock Exchange Kuala Lumpur supaya harga saham PNB meningkat mengikut harga pasaran yang sebenar. Mungkin sebahagian daripada saham PNB akan jatuh ke tangan bukan bumiputra tetapi sebaliknya jika sebahagian saham itu dibayar oleh ahli bukan bumiputra dengan harga pasaran sudah pasti PNB bukan sahaja akan dapat pulangan modal tetapi juga keuntungan yang besar dan ini akan memberi faedah berlipat ganda kepada bumiputra. Pada hari ini saham PNB berharga \$1.00 tetapi jika ianya disenaraikan dalam Stock Exchange di Kuala Lumpur saya percaya harganya akan meningkat kepada \$5.00 ataupun \$6.00, 5 ataupun 6 kali ganda lebih besar daripada harga yang ditawarkan kepada bumiputra sekarang. Sekiranya PNB hendak didaftarkan dalam Stock Exchange Kuala Lumpur maka satu peraturan hendaklah diadakan supaya sekurang-kurangnya 80% atau lebih sahamnya mestilah sentiasa dipegang oleh bumiputra ataupun oleh PNB sendiri selama-lamanya. Cadangan ini mengikut anggaran saya akan mempercepatkan lagi penyertaan bumiputra dalam bidang ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, bantuan Kerajaan untuk membaiki rumah-rumah buruk di luar bandar yang sedang berjalan sekarang ini patut dikaji semula. Bantuan sebanyak yang diberikan sekarang ini tidak banyak mendatangkan faedah. Kerajaan patut menimbangkan sama ada bantuan itu ditambah lagi ataupun dihapuskan sama sekali. Jika hendak dihapuskan maka bantuan mengikut satu bentuk yang lain patut ditimbangkan bagi menolong mereka yang miskin yang difikirkan patut dibantu. Bantuan yang diberikan sekarang tidak

memadai dan tidak dapat mencapai maksud bagi menolong mereka. Ini serupa seperti kata pepatah Melayu: Pelabur habis, pelembang tidak alah.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka bercakap berkenaan dengan investment. Dasar Ekonomi Baru berkehendakkan foreign investment dalam negara kita diturunkan kepada 30% dalam tahun 1990. Mengambil alih syarikat-syarikat bangsa asing adalah salah satu jalan untuk mencapai tujuan tersebut. Telah menjadi amalan sekarang apabila syarikat tempatan mengambil alih saham majority daripada syarikat asing maka syarikat tempatan itu hendaklah juga membeli atau terpaksa membeli dengan bayaran wang tunai saham-saham daripada minority shareholders. Syarat ini menyebabkan terbantut usaha syarikat-syarikat tempatan untuk mengambil alih syarikat-syarikat asing kerana terpaksa mengadakan wang yang terlalu banyak. Saya cadangkan supaya syarat ini dilonggarkan dengan tidak memaksa membayar wang tunai kepada minority shareholders, memadai dengan pertukaran saham sahaja. Jika ini dilaksanakan maka pengambilan alih syarikat-syarikat asing akan berjalan dengan lebih pesat lagi dan penglibatan syarikat tempatan untuk mengambil alih syarikat-syarikat asing itu akan berjalan dengan pesat lagi.

Pemindahan saham yang berharga \$1 juta ke atas sekarang ini terpaksa mendapat kelulusan FIC dan CIC. Saya memohon supaya angka ini diubah, hanya syarikat-syarikat yang bertukar milik yang berharga \$10 juta ke atas sahaja yang perlu mendapat kelulusan daripada FIC dan CIC lebih dahulu. Peraturan mengenai pertukaran milik yang berharga \$1 juta mesti mendapat kebenaran FIC dan CIC ini telah dibuat 10 tahun dahulu dan pada hari ini nilai matawang telah berubah dengan

banyaknya. Jika amalan yang ada diteruskan FIC dan CIC akan menjadi bottle-neck dan ini akan melambatkan pembangunan ekonomi negara. Dasar baru Kerajaan yang berjanji hendak menyelesaikan permohonan tanah dalam tempoh 3 bulan adalah disambut baik. Tidakkah syarat yang seperti ini juga patut dilaksanakan kepada FIC dan CIC. Untuk menyampaikan maksud ini mengikut jalan yang paling senang ialah dengan membesarkan lagi badan tersebut dan membahagi-bahagikan tanggungjawab kepada beberapa jawatankuasa mengikut jenis-jenis perniagaannya. Maka dengan jalan yang demikian permintaan-permintaan untuk menukar milik daripada satu syarikat kepada syarikat yang lain dapat dijalankan dengan lebih cepat.

Berkenaan dengan banking, Tuan Yang di-Pertua, bahawa pasaran kewangan antara bank-bank di masa ini di Malaysia hanya boleh disertai oleh bank perdagangan, bank saudagar dan discount house sahaja. Pasaran ini telah memudahkan badan-badan kewangan itu untuk melabur wang-wang lebihan (surplus funds) dan untuk mendapatkan sumber kewangan bagi mengimbangkan kedudukan kewangan mereka di setiap hari. Pasaran kewangan ini bukan sahaja telah membantu di dalam memudahkan fungsi-fungsi institusi kewangan untuk menguruskan kedudukan kewangan mereka di setiap hari tetapi juga meringankan badan-badan kewangan ini dari memikul beban untuk menyediakan kemudahan sumber kewangan (standby credit line) yang banyak bagi menjamin kedudukan wang mereka. Walau bagaimanapun kemudahan ini belumlah lagi dipanjangkan kepada syarikat-syarikat kewangan (finance company) yang berlesen di negara ini.

Dengan membenarkan syarikat-syarikat kewangan (finance company) berlesen mengambil bahagian di

dalam pasaran kewangan antara bank-bank adalah dijangkakan bahawa faedah-faedah berikut akan dapat dicapai:

- (1) Pasaran kewangan antara bank-bank akan menjadi lebih aktif dengan bertambahnya bilangan institusi-institusi kewangan yang mengambil bahagian di dalamnya. Dengan yang demikian akan dapat menggambarkan suasana pasaran kewangan yang sebenar.
- (2) Syarikat-syarikat kewangan berlesen akan dapat menjimatkan kos pengendalian mereka kerana tidak perlu lagi menyediakan 'standby credit line' yang banyak.
- (3) Syarikat-syarikat kewangan berlesen juga boleh berurus niaga dengan lebih aktif dan agresif. Dengan demikian akan dapat memberikan perkhidmatan mereka kepada masyarakat dengan lebih berkesan.

Adalah dirasakan, Tuan Speaker, bahawa telah sampai masanya bagi negara kita untuk mengikut jejak langkah negara-negara yang telah maju di bidang pasaran kewangan Finance Company seperti yang berlaku di negara lain jika kebenaran ini dipanjangkan kepada Finance Company untuk mengambil bahagian yang sama aktif dengan institusi-institusi kewangan yang lain seperti bank-bank di dalam pasaran kewangan antara bank.

Sekarang ini saya suka menyebut sedikit mengenai dasar "Pandang ke Timur". Saya bersetuju dengan dasar memandang ke Timur yang dibuat oleh Kerajaan tetapi ada dua perkara yang saya fikirkan penting yang boleh dipelajari dari negara-negara Jepun dan Korea selain daripada beberapa perkara lain yang telah banyak disebut-sebutkan selama ini. Kedua-dua negara tersebut Kerajaannya bukan sahaja menggalakkan rakyat

berusaha dalam perniagaan tetapi Kerajaan juga memberikan sokongan, bantuan dengan seberapa daya upayanya termasuk bantuan-bantuan modal dan menolong memasarkan barang-barang pengeluaran rakyat serta menolong menghubungi negara-negara luar untuk mendapatkan pekerjaan bagi rakyatnya. Pendek kata Kerajaan dan rakyat itu adalah satu, saling bantu membantu di antara satu dengan yang lain. Dengan cara yang demikian negara itu mendapat kemajuan yang besar.

Contoh ini patut diikuti oleh Malaysia. Di negara kita walaupun Kerajaan menggalakkan rakyat berniaga tetapi apabila satu-satu syarikat perniagaan menghadapi kesulitan pertolongan daripada Kerajaan untuk menyelamatkan perniagaan itu tidak ada. Dasar yang seperti ini akan melemahkan semangat rakyat untuk menceburkan diri dalam perniagaan secara besar-besaran. Pegawai-pegawai Kerajaan di Malaysia adalah terkenal tentang kecekapan dan kebolehannya. Kepujian patut diberi kepada mereka kerana menyumbangkan tenaganya terutama dalam peringkat membuat rancangan bagi pembangunan negara. Tetapi malangnya apabila sampai ketika untuk melaksanakannya ada sebahagian daripada pegawai-pegawai menganggap bahawa ahli-ahli perniagaan hanya satu kumpulan manusia berusaha untuk mencari kekayaan, maka tidak ada sebab bagi pegawai-pegawai itu hendak bersusah payah untuk menolong mereka itu. Sikap mereka ini perlu diubah kerana ahli perniagaan ataupun pihak swasta adalah sebahagian daripada rakyat yang juga berusaha menyumbangkan tenaga untuk kekayaan negara. Sektor awam dan sektor swasta mestilah sama-sama mempunyai satu tujuan iaitu untuk membangunkan negara. Oleh sebab itu kedua-dua pihak mestilah saling bantu membantu dan bekerjasama dengan rapatnya.

Kita semua adalah rakyat dari satu keluarga iaitu keluarga Malaysia. Sebagai contoh dapat saya tunjukkan di mana sebuah kuari pengeluaran batu terpaksa menunggu 3 tahun untuk mendapatkan pembaharuan lesen bagi menggunakan tanah sedangkan tempoh yang dibenarkan penggunaan tanah itu adalah 3 tahun juga. Ini bererti pada hari syarikat itu menerima kebenaran daripada Kerajaan Negeri bererti pada hari itu juga tempoh 3 tahun yang dibenarkan itu telah tamat dan permintaan baru pula terpaksa dikemukakan dan permohonan kali yang kedua ini pula belum diselesaikan setelah 2 tahun; mungkin terpaksa menunggu 3 tahun lagi. Dilemma yang dihadapi oleh rakyat ini ialah jika kuari ini diteruskan bererti mereka menjalankan sebuah perniagaan yang tidak berlesen yakni haram sebaliknya jika kuari itu ditutup maka berpuluh-puluh pekerja akan kehilangan pekerjaan. Ini adalah berlawanan dengan dasar Kerajaan yang berkehendakkan pihak swasta membantu untuk menghapuskan pengangguran. Saya berharap dasar baru Kerajaan berkehendakkan sebuah pentadbiran yang Bersih, Cekap dan Amanah dapat benar-benar dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah mendengar ucapan daripada parti Pembangkang dari DAP terutama sekali Ahli dari Kota Melaka. Jelaslah kepada kita pada hari ini bahawa pada masa Kerajaan Barisan Nasional berusaha untuk menyatu-padukan rakyat di negara ini tetapi sebaliknya DAP sedang berusaha untuk memecahbelahkan rakyat mengikut suku-suku kaum yang ada seperti yang dijalankan oleh British semasa memerintah kita dahulu iaitu "Divide and Rule Policy". Dasar menakutkan rakyat tidak laku lagi sekarang ini. Dengan sebab itu dari sehari ke sehari Barisan Nasional yang berusaha untuk membantu rakyat telah mendapat

mandat yang lebih dalam tiap-tiap kali diadakan pilihanraya.

Telah juga disebut oleh Wakil dari Kota Melaka itu hendak menakutkan sebahagian penduduk rakyat negeri ini terutama daripada keturunan Cina mengenai soal bahasa, kebudayaan dan persekolahan rakyat Cina. Saya suka memberi ketegasan di sini sebagai salah seorang pemimpin Barisan Nasional, selagi Barisan Nasional memerintah negeri ini parti ini akan sentiasa taat kepada isi kandungan Perlembagaan dalam semua perkara termasuk soal bahasa, pelajaran dan kebudayaan. Sudah 25 tahun lamanya parti-parti Pembangkang hendak mengelirukan penduduk keturunan Cina dan India yang mengatakan bahawa sekolah Cina akan ditutup, bahasa Cina akan lenyap tetapi sekarang rakyat telah mulai sedar bahawa itu hanya propaganda kosong di mana Kerajaan Barisan Nasional yang dahulunya Perikatan tidak pernah berhasrat hendak berbuat seperti itu.

Tuan Speaker, saya suka memberitahu perkara ini bahawa keadaan seperti yang ada sekarang di mana sekolah Cina dan sekolah Tamil itu akan berterusan di peringkat rendah dan kemudiannya menggunakan Bahasa Kebangsaan yang sepenuhnya di sekolah-sekolah lanjutan menengah dan universiti. Begitu juga mengenai soal kebudayaan. Walaupun kita mengatakan bahawa kebudayaan Malaysia harus berteraskan kebudayaan bumiputra, kebudayaan Melayu tetapi kita tidak pernah mengatakan hendak menghapuskan kebudayaan-kebudayaan daripada bangsa-bangsa asing. Kita perlu mempunyai satu kebudayaan yang boleh kita banggakan sebagai satu bangsa yang telah merdeka. Begitu juga mengenai soal bahasa, kita bangga dan wajib mempunyai satu bahasa yang boleh kita megahkan di samping membenarkan penggunaan bahasa-bahasa asing yang ada di negara kita

terus menerus. Jika sekiranya kita menggalakkan pelajaran bahasa Inggeris dan sekarang Kerajaan menggalakkan rakyat bertutur bahasa Arab, bahasa Jepun dan sehingga bahasa Korea tidak ada sebab kita hendak menghapuskan bahasa Cina yang sedia ada dan bahasa Tamil yang ada di tanahair kita pada hari ini.

Saya menyeru kepada parti Pembangkang ini menghentikan hasutan-hasutan yang seperti ini kerana tidak dapat diterima oleh rakyat lagi. Lebih baik mereka itu mengubah sikap untuk mengalihkan pandangan supaya rakyat negeri ini dapat bersatu padu dan jika mereka hendak menentang Kerajaan ialah menentang dari segi pembangunan negara yang tidak merugikan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, minta maaf kerana memanjangkan ucapan saya. Saya teringat sebentar tadi wakil dari Rantau Panjang balik, beliau telah menghentam Barisan dan juga Perikatan yang semuanya salah. Apakah dan daripada semenjak bilakah beliau sedar bahawa Perikatan dan Barisan ini salah yang menyebabkan beliau telah beralih berhijrah masuk ke parti PAS itu.

6.21 ptg.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul menjunjung kasih kerana Titah Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Keenam ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu ingin mengucapkan syukur ke hadrat Allah subhanahu wa-ta'ala kerana negara kita telah berjaya dan selamat menyambut ulangtahun kemerdekaan yang ke 25.

Sesungguhnya sempena sambutan ulangtahun kemerdekaan yang bersejarah ini, negara kita telah

melangkah setapak demi setapak lagi dalam meletakkan asas yang kukuh ke arah melahirkan suatu bentuk warganegara, bahasa dan budaya yang berharmoni dan berdaulat.

Sebelum saya memanjangkan ucapan saya, di sini saya terlebih dahulu ingin juga melafazkan setinggi-tinggi tahniah kepada kepimpinan negara kita yang telah berjaya mengemukakan pandangan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat terhadap kekejaman bangsa Yahudi atau Zionis dan Parti Falangis Lubnan yang telah membunuh beramai-ramai orang-orang awam yang tidak berdosa yang terdiri dari rakyat Palestin.

Kita percaya bahawa pandangan kepimpinan negara kita di Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu juga telah diambil kira oleh pihak Bangsa-bangsa Bersatu bagi mengatasi masalah-masalah dan kesan-kesan yang kita perolehi termasuklah dunia amnya.

Tuan Yang di-Pertua, pengumuman dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan baru-baru ini iaitu untuk menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa dan Bank Islam di negara kita ini yang mana Rang Undang-undang akan dibawa ke hadapan Majlis dalam persidangan kita Penggal Yang Pertama Parlimen Keenam ini. Saya berharap tidak akan menjadi isu politik yang akan menyentuh persaudaraan rakyat lebih-lebih oleh Parti Islam sentiasa hendak mengkritik dan tidak membenarkan apa juga kebenaran yang dibuat oleh Barisan Nasional. Tetapi walau bagaimana katanya fajar akan menyinsing, akan menunjukkan yang mana Barisan Nasional adalah menjalankan atau melaksanakan undang-undang Islam masa akan datang, pihak PAS dia kata akan naik tetapi saya percaya PAS akan lebih merosot lagi apabila Barisan Nasional bergerak dan lebih maju dalam

memimpin agama Islam di masa akan datang. Malah sebaliknya rakyat hendaklah memberikan sokongan penuh dalam usaha yang murni ini bagi memberikan pilihan dan penyelesaian atau jawapan terhadap sistem yang wujud sekarang.

Walau bagaimanapun, saya ingin menyarankan di sini bagi mengukuhkan dan menjayakan lagi matlamat penubuhan Universiti Islam Antarabangsa itu, Kerajaan patutlah menambahkan lagi bilangan institusi pelajaran rendah dan menengah yang dapat disalurkan pelajar-pelajar untuk memasuki universiti tersebut. Malahan bukan sahaja sekolah-sekolah menengah agama patut ditambah, tetapi juga pengajaran bahasa Arab patut juga dimulakan dari sekolah rendah. Selain dari itu adalah wajar juga sekiranya pengajaran agama ditambahkan lagi masa pengajarannya bagi membolehkan pelajar-pelajar mengikut latihan dan bimbingan amali. Kita percaya bahawa jika saranan yang tersebut di atas dapat dijalankan dengan seberapa segera, maka ini akan merupakan satu jenis pelaburan jangka pendek dan jangka panjang yang akan dapat menjamin keamanan dan kegemilangan negara kita. Konsep universiti sebenarnya adalah bermula dari pengajian di peringkat rendah.

Menyentuh tentang peranan Bank Islam yang akan ditubuhkan oleh Kerajaan pula, saya ingin menyeru kepada Kerajaan supaya segala langkah dan tindakan yang akan dijalankan dalam usaha ini hendaklah diteliti dengan sebaik-baiknya bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh umat negara kita yang terhimpit oleh sistem riba. Projek-projek yang akan dijalankan oleh Kerajaan yang dibiayai oleh Bank Islam ini umpamanya, hendaklah mengutamakan kepentingan umat yang kurang bernasib baik, di samping mengatasi masalah-masalah lain yang lebih luas.

Tuan Yang di-Pertua, amalan melabur di kalangan rakyat masih boleh ditingkatkan lagi dengan memberikan berbagai galakan terutama jika sekiranya pihak Kerajaan berminat untuk menawarkan berbagai bentuk hadiah yang lebih baik atau lebih besar dari apa yang ditawarkan sekarang seperti Bank Simpanan Nasional. Malahan pihak Kerajaan juga patut mengambil kira bahawa setiap ringgit atau sen yang dilaburkan dalam saham-saham nasional oleh umat di negara kita ini iaitu dengan diberikan pelepasan cukai pendapatan. Saya percaya jika langkah ini dibuat, maka akan lebih banyak lagi golongan kakitangan Kerajaan yang akan melabur dalam saham-saham nasional. Dengan demikian apabila terdapat peningkatan simpanan dan tabungan maka Kerajaan akan dapat menambahkan lagi modal yang boleh digunakan untuk pelaburan yang produktif.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha Kerajaan mengisi kemerdekaan negara dengan mengisi sebaik-baiknya periuk nasi rakyat dan juga mengisi jiwa dan fikiran mereka, saya ingin menyarankan supaya pihak Kerajaan mengadakan rundingan dengan negara ASEAN bagi mengadakan sebuah terusan di utara negara kita. Saya percaya dengan adanya terusan di utara negara kita, maka suatu pembangunan yang pesat akan dapat dilaksanakan di kawasan utara Semenanjung. Dengan yang demikian, kemungkinan besar kita akan dapat dengan mudahnya mengatasi ancaman-ancaman anasir-anasir pencerobohan seperti komunis dan sebagainya dari utara itu, dan pengkhianatan pihak musuh yang ingin memecah-belahkan perpaduan ASEAN. Saya rasa, mungkin sudah sampai masanya perkara ini dikemukakan dan dilaksanakan oleh ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha Kerajaan memastikan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru sejak satu dekad lalu badan-badan atau pusat-pusat penyelidikan di negara kita patut berusaha mencari penemuan baru dalam penggunaan atau memproses bahan-bahan utama di negara kita. Matlamat dari usaha ini bukan sahaja akan membebaskan negara kita dari bergantung sepenuhnya kepada pasaran bahan-bahan utama di dalam pasaran antarabangsa, tetapi juga dapat memberikan peluang kepada rakyat negara ini khususnya kaum bumiputra untuk melibatkan dalam lapangan perusahan-perusahaan baru. Jika kejayaan matlamat ini sebanyak sedikit adalah bergantung kepada faktor pemindahan teknologi moden, maka usaha-usaha yang segera patutlah dibuat bagi melaksanakan pemindahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita berasa sukacita kerana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia menyentuh mengenai golongan yang mungkin mengambil kesempatan, mengeksploitasi atau menanggung di air keruh akibat dari kesan kemelesetan ekonomi dunia yang mempengaruhi ekonomi negara kita. Saya ingin menyeru kepada pihak Kerajaan bahawa langkah-langkah dan tindakan yang tegas hendaklah dijalankan terhadap golongan yang mengkhianati matlamat Dasar Ekonomi Baru, sama ada pihak-pihak berkenaan bergerak dari luar ataupun bergerak di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita juga saya mengambil peluang di sini untuk mengucapkan tahniah kepada bidang perundangan dan kehakiman di negara kita ini oleh kerana suatu langkah ke hadapan yang menyakinkan telah dimulakan dalam suatu upacara untuk meraikan perlantikan hakim-hakim di Kuala

Lumpur baru-baru ini di mana majlis tersebut telah mendaulatkan Bahasa Malaysia. Kita percaya bahawa Bahasa Malaysia atau Bahasa Kebangsaan kita bukan sahaja layak dan wajar digunakan dalam mahkamah-mahkamah di negara kita, bahkan kemungkinan besar layak menjadi lingua-franca di Asia Tenggara sebagaimana yang pernah berdaulat dan gemilang di masa lalu. Keraguan pihak-pihak tertentu terhadap kemampuan Bahasa Kebangsaan kita, hanyalah merupakan tindak balas manusia-manusia yang berjiwa kerdil yang enggan membaca tulisan yang terang dan nyata di atas dinding. Golongan ini akan hilang dan berkubur ditelan lumat oleh cabaran zaman sebagaimana

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka memperingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, pada hari esok, saya akan meminta Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap setakat 20 minit maksima oleh kerana banyak lagi Ahli-ahli Yang Berhormat akan berucap.

Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.